

BAB 4

Orang Melayu Bandar dan Asas Sokongan Terhadap UMNO

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini sebahagian penemuan kajian yang menyentuh nilai-nilai tradisionalisme, taatsetia, keselesaan dan keperluan untuk mencapai kemajuan, keperluan membala budi dan keperluan kepada UMNO bagi keselamatan dan survival orang Melayu akan dibentangkan. Analisis terhadap dapatan kajian turut dilakukan. Nilai-nilai lain akan dibincangkan dalam bab berikut. Nilai-nilai yang dibentangkan di sini mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain kerana ikatan yang terdapat dari segi tema utamanya. Tema utama bagi nilai-nilai tersebut ialah hubungannya dengan parti UMNO itu sendiri. Hubungan tersebut akan dijelaskan lagi di bawah nanti.

Seperti mana yang telah dinyatakan dalam bab 2, kaedah utama yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menerusi kaedah survei Kaedah sekunder pula ialah meneliti bahan-bahan rasmi yang diperolehi dari agensi-agensi kerajaan seperti PKNS, MBSA, SPR dan Jabatan Perangkaan di samping bahan-bahan yang diperolehi daripada parti-parti politik terutama UMNO, PAS dan PKN. Pemerihalan mengenai metode ini telah diuraikan dalam Bab 1 di atas.

Sebelum penemuan bagi nilai-nilai di atas dibentangkan, pemerihalan kawasan kajian akan dibuat agar penemuan dapat dilihat dalam konteks sosial di mana kajian ini dijalankan.

4.2 Shah Alam – Bandar Raya Melayu Bestari

(a) Pengenalan

Shah Alam adalah sebuah bandar raya Melayu. Mengikut laporan Banci 2000¹, daripada jumlah penduduk seramai 314440 orang, 70.98 % atau 223212 orang adalah terdiri daripada orang Melayu (lihat Jadual 4.1 di bawah).

Jadual 4.a
Penduduk Shah Alam Mengikut Kumpulan Etnik

Kumpulan Etnik	Bilangan	Peratus (%)
Melayu & Bumiputera lain	226287	72.0
Cina	30991	9.9
India	35487	11.3
Lain-lain	3040	0.9
Bukan Warga Negara	18635	5.9
<i>Jumlah</i>	<i>314,440</i>	<i>100.0</i>

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan 2000 (2001)

Setelah Kuala Lumpur diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan sebuah wilayah Persekutuan, kerajaan Selangor mula mencari kawasan baru untuk dijadikan ibu negeri dan sebagai pengganti kepada bandar raya tersebut. Shah Alam bermula daripada sebuah ladang kelapa sawit yang dikenali sebagai Sungai Renggam pada tahun 1963. Pemilihan tapak di Sungai Renggam adalah berdasarkan saranan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Persekutuan dan penasihat Perancang Bandar Bangsa-Bangsa Bersatu². Pada peringkat awal Shah Alam dibangunkan

¹ Banci Penduduk dan Perumahan 2000,(2001) Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuaan Tempatan, Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia

² Majlis Perbandaran Shah Alam (2000) Pentadbiran Majlis Perbandaran Shah Alam , Shah Alam: MPSA hal 20

sebagai kawasan industri untuk menampung kekurangan kawasan perusahaan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang begitu pesat membangun (MPSA,2000:20).

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) merupakan pemaju utama yang bertanggungjawab membangunkan Shah Alam. Ianya merupakan bandar kedua di Selangor yang telah dirancang dan di majukan oleh agensi tersebut (Yahaya Ibrahim, 1992:152). Pembangunan awal melibatkan kawasan perindustrian di bahagian selatan Lebuh Raya Persekutuan. Bandar ini kemudian berkembang sehingga dipilih menjadi ibu negeri Selangor Darul Ehsan pada 7 Disember 1978.(MPSA, 2000:12) Pada ketika itu luas kawasannya ialah 41.69 kilometer persegi. Sejak permulaannya, sempadan Shah Alam terus bertambah secara berperingkat seperti yang terdapat dalam Jadual 4.2 di bawah.

Dari segi lokasi geografinya, Shah Alam terletak di antara bandar raya Kuala Lumpur dan bandar Klang di Lembah Klang, Selangor. Luas kawasannya kini ialah 290.30 kilometer per segi dan daripada kawasan ini kira-kira 5456.72 ekar tanah atau 7.61 % daripada kawasannya digunakan untuk perumahan³ dan bakinya untuk kawasan perindustrian dan perniagaan, kemudahan awam, bangunan dan kompleks kerajaan, sekolah, kompleks sukan, hospital, klinik, balai bomba dan balai polis, pasar, stesen bas dan teksi, masjid/surau, tokong, taman rekreasi dan kawasan simpanan untuk talian elektrik, monorel dan simpanan Kerajaan (MPSA,2000:20).

Kesemuanya terdapat 56 seksyen di bandar raya ini - 20 seksyen di utara, 24 di kawasan tengah dan 12 di kawasan selatan (MPSA,2000:21). Peta di halaman berikut menunjukkan seksyen-seksyen tersebut.

³ Sehingga Ogos 1999. Lihat MPSA (2000:20)

Jadual 4.b
Perkembangan dan Pembangunan Shah Alam

Pelan Pembangunan	Tahun	Kawasan-Kawasan Tambahan	Keluasan Kawasan (Km/perseg)
Pelan Pembangunan Shah Alam	1960	Sek 1-16	19.68
Pelan Struktur	1979	Sek 17-24	41.69
Pelan Perluasan Shah Alam	1983	Sek 25 - 28	53.10
Pelan Warta 968	1994	Sek 29 -39	261.70
Pelan Warta 1190	1997	Sek U1 - U 20 (Utara) Sek 1 - 24 (Tengah) Sek 25 - 36 (Selatan)	290.30

(Sumber: MPSA (2000) halaman 18)

Agensi kerajaan yang terus aktif membangunkan prasarana di Shah Alam ialah PKNS. Ia berjaya membina pelbagai jenis rumah selain unit kedai, kilang dan pejabat. Ia juga telah memajukan 1004 hektar kawasan perindustrian (Intanjuddin Ismail dan lain-lain,1996:51).

Pertambahan penduduk Shah Alam menurut banci pihak berkuasa tempatan menunjukkan pertambahan besar sejak tahun 1985 iaitu daripada 41,614 orang kepada 403,174 orang pada tahun 2000. Ini dijangka bertambah kepada 750,203 orang pada tahun 2010⁴.

(b) Kawasan Parlimen Shah Alam

Kajian ini melihat kepada pola pengundian di kawasan parlimen Shah Alam. Kawasan parlimen Shah Alam adalah lebih kecil daripada kawasan Majlis

⁴ Angka ini merupakan anggaran pihak berkuasa tempatan iaitu MPSA (kini dipanggil MBSA). Angka ini berbeza daripada banci Jabatan Perangkaan yang memberikan angka lain iaitu 314,440 orang seperti mana yang dinyatakan di atas, hal 185. Unjurian untuk 2010 tidak dapat diperolehi.

Bandar Raya Shah Alam (MBSA) sepetimana terdapat pada peta kedua-dua kawasan di halaman berikut (kawasan bandar raya) dan di Lampiran A (kawasan Parlimen).

Daripada penduduk seramai 314,440 orang, 60.54% adalah pengundi Melayu.⁵ Walaupun kebanyakan daripada responden yang dipilih untuk kajian adalah pengundi (346 orang atau 77.6%) namun beberapa orang yang tidak mendaftar sebagai pengundi turut dipilih supaya gambaran sebenar tentang masalah yang hendak dikaji dapat diperolehi. Apa yang diutamakan ialah memahami budaya politik orang Melayu dan ini perlu mengambil kira pengundi dan bukan pengundi. Masalah lain ialah terdapat penduduk yang belum layak untuk mendaftar sebagai pengundi di samping mereka yang layak tetapi tidak mendaftar sebagai pengundi.

Pemilihan responden dilakukan dalam kawasan Parlimen Shah Alam. Dengan cara ini gambaran mengenai nilai politik akan lebih mewakili masyarakat Melayu sesuai dengan kehendak kajian. Pemilihan Shah Alam sebagai kawasan kajian mempunyai beberapa sebab. Yang paling utama ialah kerana bandar raya ini merupakan antara kawasan yang mencatatkan keputusan yang sangat mengejutkan dalam pilihan raya umum 1999.

Kedua ia adalah ibu negeri Selangor yang menjadi nadi atau pusat pentadbiran sebuah negeri yang pesat membangun dan satu-satunya kawasan urban Melayu pantai Barat yang juga menjadi sebuah ibu negeri yang penting. Kedudukan orang Melayu sebagai etnik majoriti di sini turut menentukan corak politik di kawasan urban. Ciri ini juga mendorong bandar raya ini menjadi bandar raya penting di pantai barat Semenanjung yang dihuni majoritinya oleh orang Melayu.

⁵ Pemerihalan pengundi telah dibuat di atas. Lihat Bab 3, hal 176

(c) Shah Alam – Beberapa Ciri Utama

Menurut Yahaya Ibrahim (1998:149) Shah Alam merupakan ‘satu-satunya bandar yang dibangunkan berasaskan perancangan yang rapi dengan mengambil kira konsep “bandar taman” sebagai model perancangannya’. Sebagai bandar – kini bandar raya - terancang antara ciri utamanya ialah pembahagian seluruh kawasan secara teratur mengikut aktiviti ekonomi-sosial agar ia dapat dijalankan secara tersusun.

Kawasan penempatan perumahan diasingkan daripada kawasan perniagaan/komersil dan kawasan perindustrian. Selain itu kawasan rekreasi dan kemudahan-kemudahan awam turut disediakan sebanyak mungkin untuk kemudahan penduduk. Bagi setiap kawasan berkenaan disokong pula oleh kemudahan asas mengikut keperluannya.

Zon bagi aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi disediakan bagi setiap seksyen. Sebagai pusat tempatan setiap seksyen mempunyai asas-asas kemudahan yang tersendiri untuk berfungsi. Shah Alam dirasmikan sebagai bandar raya pada 10 Oktober 2000. Ia dipilih sebagai bandar raya Melayu berdasarkan strategi untuk melihat orang Melayu aktif sebagai penduduk bandar dalam pelbagai bidang ekonomi bandar. Hasrat Kerajaan negeri Selangor ialah mewujudkan Shah Alam sebagai ‘bandar raya Melayu pertama di Malaysia’ (Intanjuddin dan lain-lain,1996:63)

Ia digelar ‘bandar raya Melayu bestari’ kerana perancangannya kini menuju kepada merealisasikan bandar raya tersebut sebagai manifestasi satu falsafah

yang mempunyai beberapa ciri agar ia memenuhi tuntutan sebagai sebuah ‘bandar raya bestari’

Menurut Halimahton Saadiah Hashim(1996:85), konsep bandar raya Melayu bestari ialah,

‘ sebuah bandar raya yang mempunyai ciri-ciri perancangan yang mengutamakan kualiti kehidupan yang tinggi serta mempunyai pelbagai pembangunan yang serba moden dan canggih seperti bangunan-bangunan bestari, sistem pengangkutan dan perhubungan yang berdasarkan teknologi, industri hi-tech dan teknologi maklumat, iaitu di mana maklumat menjadi pengeluaran output sektor industri. Penduduknya pula hidup selesa dalam semua aspek sosial, ekonomi dan fizikal seperti yang diharatkann dalam Wawasan 2020.

Bandar raya Melayu bestari ditafsirkan sebagai Bandar Raya Bestari di mana sekurang-kurangnya 70% daripada penduduknya terdiri daripada kaum Melayu. Dari segi ekonominya juga, 70% daripada aktiviti ekonomi termasuk hartanah adalah dimiliki oleh kaum Melayu’

Menurut Intanjuddin dan lain-lain (1996:13-14) pula, bandar raya bestari dikatakan perlu mempunyai ciri-ciri yang sesuai seperti pemilikan rumah dan lain-lain harta secara majoriti oleh orang-orang Melayu, prasarana sosial menepati cita rasa orang Melayu, penglibatan aktif orang Melayu dalam kegiatan ekonomi, politik dan sosial, dan cara hidup dan aktiviti kemasyarakatan berbudaya Melayu berasaskan kepada konsep kejiraninan ala kampung, program keluarga harmoni dan konsep taman fikrah.

Di samping itu ialah penggabungan pembangunan fizikal dan kemanusiaan secara lebih menyeluruh dan terancang dan pengisian prasarana yang canggih serta terkini dalam bidang teknologi maklumat (IT) yang berkonseptan

bandar raya siber. Untuk itu perkara-perkara yang diberi perhatian ialah mengadakan laluan telekomunikasi gentian optik global dunia, rangkaian teknologi maklumat dalaman yang tercanggih seperti LAN (Local Area Network) atau rangkaian tempatan dan ISDN (Integrated Service Digital Network) untuk kemudahan persidangan jarak jauh, kemampuan melahirkan masyarakat Melayu yang berorientasikan maklumat, berilmu, berteknologi tinggi serta berakhhlak mulia dan pembangunan yang seimbang dengan mengambil kira pengekalan ekologi setempat (Intanjuddin dan lain-lain,1996:14).

Ini bermakna apa yang cuba dihasilkan ialah satu model pembandaran orang Melayu masa kini dan juga untuk masa depan yang berteraskan teknologi maklumat dan perhubungan yang terkini. Dengan cara ini dianggap orang Melayu bandar seperti di Shah Alam akan mencapai kemajuan ekonomi yang lebih pesat.

Bagi pembuat dasar salah satu faktor yang penting ialah komposisi penduduk bandar raya ini. Bagi memastikan ciri Melayu kekal pada Shah Alam polisi pemilikan dan penglibatan orang Melayu dilaksanakan menerusi beberapa langkah. Antaranya ialah tidak kurang daripada 70% pemilikan tanah dan rumah yang dibina di Shah Alam mestilah dijual kepada orang Melayu.

Begitu juga tidak kurang daripada 70% kedai-kedai yang dibina hendaklah dijual kepada orang Melayu dan tidak kurang daripada 50% kedai-kedai atau premis-premis di kompleks mestilah diusahakan dan dimiliki oleh orang Melayu (Intanjuddin dan lain-lain,1996:63-64)Yang ditekankan bukan sekadar pembangunan fizikal dan teknologi tetapi sebuah bandar raya Melayu bestari seperti Shah Alam dikatakan juga perlu memaparkan nilai-nilai agama yang dianuti oleh kaum Melayu dan juga budaya Melayu' (Intanjuddin dan lain-lain,1996:88)

(d) Prasarana, kemudahan rekreatif dan sukan

Bandar raya Shah Alam sebagai bandar terancang mempunyai kelengkapan fizikal, kemudahan asas yang baik, serta sistem perhubungan jalan raya yang agak menyeluruh.

Berhubung dengan sistem perhubungan, bandar raya ini dihubungkan dengan kawasan sekitar, bandar raya Kuala Lumpur, Klang, Subang Jaya dan Petaling Jaya menerusi lebuhraya dan jalan-jalan besar antaranya lebuhraya Lembah Klang di bahagian utara Shah Alam (NKVE), lebuhraya Klang (KESAS) menghubungkan Shah Alam dengan pelabuhan baru di Pulau Indah dan lebuhraya KL-Seremban. Lingkaran Tengah-Utara-Selatan menghubungkan NKVE melalui Shah Alam ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan lebuhraya Persekutuan (lihat peta di halaman 33a di atas).

Dalam kawasan bandar raya terdapat sistem jalan raya yang menghubungkan antara seksyen-seksyennya dan memudahkan perjalanan antara satu tempat ke tempat lain.

(e) Kemudahan sosial dan rekreatif

Pelbagai kemudahan sosial dan rekreatif termasuk untuk sukan disediakan. Terdapat 8 buah dewan serbaguna dan 17 lagi dewan yang kecil di bawah pengendalian MBSA .

Sebanyak 22 masjid dan 57 buah surau terdapat di sini bagi kemudahan umat Islam. Bagi masyarakat bukan Islam pula terdapat 4 buah gereja, 4

kuil dan 2 tokong. Turut disediakan ialah kemudahan-kemudahan lain seperti kemudahan kesihatan dan pendidikan. Terdapat beberapa buah hospital dan klinik iaitu 6 buah hospital dan 84 buah klinik. Bagi kemudahan pendidikan sebanyak 56 buah sekolah - 42 sekolah rendah dan 14 sekolah menengah terdapat di sini. Shah Alam juga mempunyai institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti Universiti Teknologi MARA (UITM), INPENS, PTPL, CIAST, Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR), dan sebuah politeknik.

Selain daripada itu terdapat dua buah terminal bas dan tiga buah stesen komuter. Shah Alam juga mempunyai tujuh pasar basah, 10 balai polis dan lima balai bomba.

(f) Kemudahan Sukan

Shah Alam mempunyai kemudahan sukan yang agak baik. Antara kebanggaannya ialah wujudnya sebuah stadium besar bertaraf antarabangsa selain beberapa stadium kecil. Beberapa kompleks sukan turut disediakan antaranya kompleks sukan SUK (Setiausaha Kerajaan Negeri), kompleks sukan Alam Arena, kompleks sukan JKR dan kompleks sukan akuatik. Turut terdapat di sini ialah beberapa kelab golf seperti Kelab Golf Saujana, Montere, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Kota Permai, Glenmarie, Bukit Cahaya, Guthrie, Rahman Putra dan Kelab Golf Tentera Udara diRaja Malaysia (TUDM).

Antara tempat-tempat yang menarik di bandar raya ini ialah taman-taman rekreasinya. Taman terbesar ialah di Bukit Cahaya Seri Alam yang sentiasa dilawati pengunjung. Selain taman ini terdapat tiga lagi taman tasik dan sebuah taman

rekreasi air. Bagi kemudahan kanak-kanak 88 taman permainan kanak telah disediakan.

(g) Pola Pekerjaan

Melihat kepada pembahagian kawasan, bandar raya ini memperuntukkan juga kawasan-kawasan untuk kediaman, perniagaan, perusahaan, perdagangan dan pertanian. Bilangan kediaman berjumlah 60,053 buah, diikuti premis perusahaan sebanyak 5570, premis perdagangan 4449, premis atau tapak pertanian 3149 dan perniagaan sebanyak 1044 buah. (MPSA, 2000:25).

Dari segi pekerjaan penduduk Shah Alam terlibat dengan pelbagai jenis pekerjaan. Secara amnya tiga bidang dapat dikesan - sektor awam, sektor industri dan sektor komersil (sektor swasta). Disebabkan bandar raya ini menjadi pusat pentadbiran kerajaan negeri Selangor, kebanyakan pejabat kerajaan negeri dan agensi-agensinya terdapat di sini. Ini bermakna sebilangan besar penduduk bekerja sebagai kakitangan awam, termasuklah mereka yang menjadi guru sekolah dan pensyarah institut pengajian tinggi.

Shah Alam juga merupakan sebuah kawasan industri yang penting malah kawasan sekitarnya juga mempunyai beberapa industri. Kilang kereta nasional misalnya terdapat di sini. Oleh itu ramai penduduknya bekerja di sektor tersebut terutama di bahagian selatannya yang meliputi seksyen 24, 25, 20, 19, 18, 17 dan 16. Sekurang-kurangnya dua seksyen hanya mempunyai bangunan kilang tanpa rumah kediaman iaitu seksyen 15 dan 23.

(h) Parti Politik di Shah Alam

Parti-parti politik sama ada yang berada dalam gabungan Barisan Nasional maupun Barisan Alternatif mempunyai pejabat dan aktivitinya di sini. Dari aspek politik orang Melayu, tiga parti iaitu UMNO, PAS dan PKN masing-masing bergerak cergas dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti politik. Dari segi bilangan ahli, UMNO mempunyai ahli yang teramai diikuti PAS dan PKN⁶. Namun kadar keaktifan yang diukur pada prestasi program yang dijalankan adalah berbeza-beza antara ketiga-tiga parti ini.

Parti yang lebih terkemuka dan banyak aktivitinya ialah UMNO diikuti PAS dan PKN di samping beberapa parti bukan Melayu dalam gabungan BN khususnya MCA dan MIC. Walaupun demikian prestasi atau keaktifan parti tidak harus diukur hanya pada kejayaan parti berkenaan mengadakan aktiviti politiknya yang biasa atau sebarang program yang lain. Ini kerana peluang untuk mengadakan program atau aktiviti politik seperti ceramah atau perhimpunan memerlukan juga kerjasama pihak lain terutama pihak berkuasa sendiri.

Menurut jurucakap parti-parti pembangkang, pada masa ini masalah besar yang dihadapi ialah tekanan daripada polis dan pihak berkuasa tempatan – pihak polis kerana enggan memberikan permit bagi majlis-majlis atau ceramah-ceramah umum dan pihak berkuasa tempatan kerana sukar menyewakan ruang awam bagi kegunaan majlis-majlis yang hendak diadakan. Dengan itu pada zahirnya parti pembangkang kelihatan kurang mengadakan program umum untuk masyarakat⁷.

⁶ Keterangan lanjut mengenai parti dan keahliannya diberikan di bawah. Lihat halaman 196-200

⁷ Maklumat daripada setiausaha PAS, En Ruslan Razak dan setiausaha PKN Shah Alam, En Hasib Abu

Walaupun parti-parti ini wujud dengan mempunyai cawangan masing-masing aktiviti-aktivitinya lebih rancak kelihatan menjelang sesuatu pilihan raya. Bagi UMNO aktivitinya kadang-kadang dijalankan sebagai aktiviti kerajaan memandangkan kerajaan negeri adalah di bawah BN, di mana UMNO menjadi terasnya. Oleh itu aktiviti politik UMNO mungkin dipersembahkan sebagai aktiviti kerajaan. Barangkali ini mempunyai keunikannya yang tersendiri menurut sistem yang diamalkan di negara ini.

Sementara itu PAS sebagai parti pembangkang dan parti orang Melayu kedua terbesar turut menjalankan aktiviti-aktivitinya bagi menarik sokongan masyarakat Shah Alam. Kebanyakan aktivitinya nampaknya bercorak tradisi seperti ceramah walaupun beberapa pembaharuan telah dibuat bagi memperkenalkan aktiviti-aktiviti baru kepada masyarakat⁸. Bagi PKN pula halangan-halangan untuk mengadakan aktiviti terbuka menyebabkan program-programnya hampir-hampir sukar diadakan. Ini menyebabkan aktivitinya lebih banyak tertumpu kepada perjumpaan sesama ahli.⁹

UMNO¹⁰

UMNO Shah Alam ditubuhkan secara rasminya pada 6 April 1975. Ia berjaya ditubuh apabila 24 cawangan di kawasan sekitar dimasukkan ke kawasan bandar baru yang telah diwujudkan. Beberapa cawangan dari bahagian UMNO Klang, Petaling dan Kapar dibawa masuk untuk mewujudkan bahagian UMNO Shah Alam.

⁸ Sebahagian aktiviti dinyatakan di bawah di bawah tajuk "PAS", hal. 197-198

⁹ Maklumat setiausaha PKN Bahagian

¹⁰ Maklumat mengenai UMNO Bahagian diberikan oleh setiausaha Bahagian, En Amzah Umar

Jumlah ahli pada waktu itu hasil perpindahan cawangan-cawangan tersebut ialah 4286 orang.

Pusat pergerakan parti pada mulanya ditumpukan di pejabatnya di Seksyen 16. Kemudian pada Mac 1980 pejabat bahagian berpindah ke seksyen 2 dan beroperasi sehingga tahun 1998. Pada tahun tersebut pejabat UMNO sekali lagi berpindah ke tempat baru di bangunan UMNO Shah Alam di Seksyen 11. Pada masa ini terdapat 98 cawangan UMNO dalam bahagian ini dengan keahlian seramai 28,608¹¹ orang.

Antara aktiviti utama yang dijalankan ialah mengadakan majlis-majlis perjumpaan/penerangan – biasanya disekalikan dengan aktiviti Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan sendiri. Ketua bahagian Shah Alam pada masa ini ialah ahli Dewan Undangan Negeri Batu Tiga, Dato’ Salamon Selamat – jawatan yang telah disandangnya sejak 1993. Dato’ Salamon kini dilantik sebagai Datuk Bandar yang baru menggantikan Datuk Bandar pertama, Dato’ Abu Sujak.

PAS¹²

Parti Islam SeMalaysia (PAS) merupakan parti pembangkang utama yang bergerak aktif di Shah Alam. Ia ditubuhkan di sini pada tahun 1987. Pada masa itu hanya lebih kurang 80 orang menjadi ahlinya. Kawasan tumpuan kegiatannya ketika itu ialah di sekitar Seksyen 16.

¹¹ Maklumat pada Disember 2002

¹² Maklumat mengenai PAS Kawasan diberikan oleh setiusahanya, En Ruslan Abdul Razak

Pada awal 1990-an prestasi parti ini semakin meningkat setelah keahliannya bertambah lagi menjadi kira-kira 300 orang. Bilangan cawangan turut bertambah menjadi 10 buah. Selepas peristiwa September 1998 prestasi parti ini melonjak apabila ia berjaya menambah 30 buah lagi cawangan baru dengan keahlian lebih kurang 3800 orang.

Bilangan ahli pada Mac 2002 dianggarkan 4100 orang. Jumlah cawangan pada bulan tersebut juga telah menjadi 43 buah daripada 35 buah pada Disember 2001. Sepuluh cawangan baru dijangka akan diwujudkan menjelang hujung tahun 2002. Pejabat pentadbiran parti masih dikekalkan di Seksyen 16.

Aktiviti-aktiviti utamanya dibahagikan untuk ahli parti dan untuk pihak luar iaitu masyarakat umum. Antara aktivitinya ialah mengadakan ceramah penerangan, kursus pengurusan parti, majlis makan malam, sambutan hari-hari kebesaran Islam, seminar, kursus motivasi dan kerjaya, program kebajikan masyarakat dan kerja-kerja mengumpul dana untuk bangunan parti.

Sambutan hangat masyarakat terhadap PAS didapati tertumpu pada aktiviti ceramah umumnya. Aktiviti lain lebih banyak dihadiri oleh ahlinya sendiri. Di samping program dalaman yang bercorak pengurusan bertujuan memperbaiki pengurusannya, salah satu keunikannya ialah mengadakan program berbentuk spiritual seperti usrah dan tamrin¹³ bagi ahli-ahlinya.

Sementara UMNO menamakan daerah Parlimen sebagai bahagian, PAS menamakannya kawasan.

¹³ Mengikut En Ruslan aktiviti-aktiviti ini adalah berbentuk kerohanian

PKN (Parti KeAdilan Nasional)¹⁵ bahagian Shah Alam ditubuhkan pada 15 Januari 2000 iaitu selepas pilihan raya umum 1999 walaupun calon daripada parti ini yang bertanding dalam pilihan raya bagi kawasan Parlimen Shah Alam pada tahun tersebut.

Disebabkan parti ini merupakan parti terbaru dalam arena politik negara penubuhan bahagiannya di bandar raya ini merupakan antara yang terawal daripada bahagian-bahagian PKN di seluruh negara. Pejabat pentadbiran PKN bertempat di 4B, Jalan Tengku Azman Zabedah G, 9/G, Shah Alam.

Dalam tempoh setahun penubuhannya , bilangan ahli telah mencapai 1200 orang dan ini telah meningkat kepada kira-kira 2500 orang pada pertengahan tahun 2002. Bilangan cawangan yang direkodkan sehingga tempoh yang sama ialah kira-kira 40 cawangan. Sama ada kesemua cawangan tersebut aktif atau tidak, tidak dapat dipastikan tetapi menurut pegawai parti hanya separuh daripada cawangan-cawangan tersebut bergerak aktif.

Kegiatan utama yang dijalankan ialah kegiatan berbentuk penerangan menerusi pengajuran ceramah dan penyebaran maklumat. Sebagai sebuah parti pembangkang, PKN mendapati kegiatan-kegiatannya sering menghadapi masalah untuk dijalankan - sama seperti yang dihadapi oleh parti-parti pembangkang lain.

¹⁴ Maklumat mengenai PKN bahagian diberikan oleh En Hasib Abu, setiausaha PKN Shah Alam

¹⁵ PKN biasa juga dipanggil Keadilan

Misalnya ceramah umum yang mendapat sambutan daripada masyarakat sukar diadakan kini ekoran pengharamannya oleh pihak berkuasa.¹⁶

Program terpenting yang diadakan pada tahun 2000 ialah pada 5 November 2000 yang digelar ‘Perhimpunan 100,000 rakyat’ di sebuah kawasan lapang di Jalan Kebun. Namun penganjur gagal memperolehi permit menyebabkan orang ramai berhimpun di Lebuhraya KESAS yang berdekatan. Perhimpunan ini akhirnya kecoh dan menyebabkan ramai yang hadir ditahan.¹⁷ Selepas itu PKN tidak lagi mengadakan perhimpunan besar seumpama itu.

Sejak peristiwa 5 November itu prestasi PKN semakin menurun. Selain halangan statutori oleh pihak berkuasa, penangkapan-penangkapan aktivis muda parti itu termasuk Ketua Pemudanya, Mohd Ezam Mohd Noor di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) telah memberi kesan besar ke atas aktiviti-aktivitinya. Ezam juga merupakan bekas calon Parlimen Shah Alam yang tewas tipis kepada calon BN. Beliau dilihat sebagai penggerak utama PKN Shah Alam dan dengan penahanannya menyebabkan banyak kerja parti tersebut tergendala atau terbantut. Pada masa ini hanya program kecil-kecilan seperti ceramah kelompok dan pengedaran risalah diadakan.

16 Kuitkuasa pengharaman ini ialah pada tahun 2002

17 Menurul jurucakap parti ini, program ceramah diadakan untuk menyambut Ulang Tahun PKN dan dicadangkan supaya diadakan di atas tanah milik ketua Pemuda Bahagian Shah Alam, S D Johari. Kerana tidak memperoleh permit akhirnya orang ramai yang hadir tersebut di Lebuhraya KESAS yang berdekatan di mana kecohannya disebutkan ini telah terjadi.

(i) Parti-Parti Komponen Bukan Melayu BN dan BA

Selain parti-parti Melayu terdapat juga beberapa parti bukan Melayu di Shah Alam. Parti-parti yang aktif ialah daripada BN iaitu MCA, MIC, Gerakan dan PPP.

MCA mempunyai pejabatnya di Seksyen 24. Jumlah cawangannya ialah 55 buah dengan keahlian seramai 15,684 orang. Aktiviti parti ini tertumpu kepada ‘pemberian khidmat’ kepada penduduk bandar raya.¹⁸ Sementara itu MIC mempunyai pejabatnya di Jalan Batai Laut, Taman Intan, Klang. Bilangan ahlinya dianggarkan 5826 orang. MIC mempunyai 64 cawangan. Aktiviti MIC juga didapati lebih tertumpu kepada ‘khidmat’ kepada penduduk tempatan.¹⁹

Dua lagi parti komponen BN yang terdapat di sini ialah Gerakan dan PPP. Gerakan mempunyai 11 cawangan dengan bilangan ahlinya seramai 4560 orang. Pejabat Gerakan bertempat di Seksyen 24. Kebanyakan aktivitinya menyerupai aktiviti yang biasa dilakukan oleh parti-parti komponen BN yang lain iaitu menyediakan khidmat bagi penduduk di bandar raya ini²⁰.

Parti komponen BN yang terkecil ialah PPP. PPP mempunyai pejabatnya di Seksyen 17.²¹ Cawangan PPP sebanyak 36 buah mempunyai keahlian seramai 2080 orang. Aktiviti utamanya adalah berbentuk kebajikan dan penerangan di

¹⁸ Maklumat mengenai MCA diperolehi daripada Pejabat MCA Shah Alam.

¹⁹ Maklumat mengenai MIC diperolehi daripada Pejabat MIC Shah Alam di Klang

²⁰ Maklumat parti Gerakan diperolehi daripada Pejabat UMNO Shah Alam

²¹ Maklumat PPP diperolehi juga daripada pejabat UMNO Shah Alam

mana sebahagian besar aktiviti tersebut disalurkan kepada masyarakat India di kawasan ini.

Di pihak pembangkang pula hanya kehadiran DAP dapat dikesan di Shah Alam. Namun DAP tidak mempunyai cawangan di sini dan ahli-ahlinya terlalu sedikit dan dikira tidak signifikan²².

Sebuah lagi parti yang bergerak di Shah Alam ialah parti IPF. IPF mendapat sokongan daripada masyarakat India. Walaupun parti ini sudah agak lama wujud di sini namun setelah kawasan ‘kubu’nya - iaitu di estet Sungai Renggam - berubah wajah, ahli-ahlinya tidak dapat dikesan.²³

Kesimpulannya Shah Alam merupakan sebuah bandar raya yang dihuni majoritinya oleh orang Melayu dan penduduk yang mewakili semua lapisan sosio-ekonomi. Namun terdapat juga kelas menengah Melayu yang agak ketara di sini.

Dari segi prasarana dan kemudahan asasnya, bandar raya ini boleh dianggap mempunyai kelengkapan yang agak baik. Perancangan pembangunannya juga agak teliti bertujuan memenuhi hasrat menjadikannya sebuah bandar raya Melayu bestari. Sebagai bandar raya Melayu ia boleh dipilih sebagai kawasan untuk melihat pola pengundian di kalangan orang Melayu bandar bagi memenuhi tujuan kajian.

²² DAP dianggap tidak signifikan di Shah Alam menurut Sdr Ruslan Razak, Setiausaha PAS Kawasan. Menurutnya bilangan ahli juga terlalu sedikit dan parti ini tidak mempunyai cawangan di sini

²³ Menurut Sdr Ruslan ahli-ahlinya IPP tidak dapat dikesan setelah kawasan pendudukan di estet Sg Renggam telah dirobohkan

Dari segi kegiatan politik, tiga parti Melayu - UMNO, PAS dan PKN - masing-masing mempunyai pengaruh di kalangan penduduk di sini. Keputusan pilihan raya umum 1999 merupakan satu kejutan dalam sejarah kawasan Parlimen ini kerana Barisan Nasional yang diterajui UMNO hilang sokongan yang besar daripada penduduknya.

Walaupun parti pembangkang menunjukkan prestasi yang terbaik pada pilihan raya tersebut keadaan tersebut sukar untuk diramalkan selepas itu. Ini kerana beberapa sekatan yang dikenakan terhadap aktiviti parti-parti tersebut termasuk penangkapan ke atas aktivis-aktivisnya telah memberikan kesan ke atas pihak pembangkang, oleh itu mungkin menyebabkan prestasi tersebut tidak dapat dikekalkan.

4.3 Maklumat Asas Responden

Responden terdiri daripada mereka yang berumur di bawah 21 tahun kepada yang melebihi 61 tahun. Mereka yang di bawah 21 tahun dipastikan tidak kurang daripada umur 18 tahun. Responden dalam kumpulan umur 31-40 tahun merupakan kumpulan teramai dalam sampel ini iaitu 105 orang (23.5%) dan mereka yang berumur 61 tahun ke atas yang paling kecil - 9 orang (2.0 %) seperti yang terdapat pada Jadual 4.3 di bawah. Pemerihalan sedemikian adalah sesuai dengan tujuan menunjukkan trend berpolitik di kalangan generasi muda yang dikatakan lebih cenderung untuk menyokong pembangkang seperti mana dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 6 dan Kesimpulan di bawah.

Seperti yang terdapat dalam Graf 4.1 dan Graf 4.2 di bawah (halaman berikut) mereka yang mendapat pendidikan ke tahap tingkatan lima merupakan kumpulan terbesar dengan 132 orang (29.9%) manakala dari segi pekerjaan pula, 119 responden (26.2 %) responden bekerja di sektor kerajaan dan 231 (52.2 %) di sektor swasta dan secara persendirian (21.5%). 96 (21.6%) responden tidak memberikan maklumat mengenai sektor pekerjaan mereka.

Jadual 4.1
Umur Responden


Umur	Bilangan	Peratus
21 ke bawah	29	6.5
22-30	166	37.2
31-40	105	23.5
41-50	98	22.0
51-60	39	8.7
61-70	9	2.0
Jumlah	446	100.0

Sepuluh bidang pekerjaan telah dikenalpasti iaitu bidang pengurusan dan pentadbiran, teknikal, profesional, perguruan, perburuhan, perkeranian, perkilangan, kontraktor dan perniagaan. Dua kategori lagi ialah ‘bidang lain’ bagi yang tidak termasuk ke dalam mana-mana kategori di atas dan juga kategori surirumah. Kumpulan pengurusan dan pentadbiran merupakan kumpulan terbesar dalam sampel - 17.6% - dan bilangan surirumah berjumlah seramai 35 orang - 8.7% (lihat Graf 4.3 di halaman 204 di bawah).


Dari segi pendapatan, seperti mana terdapat pada Graf 4.4 di bawah, (halaman 204) seramai 270 orang (74.6%) memperolehi pendapatan antara RM500 sehingga RM3000, sebaliknya 22 orang mendapat pendapatan di bawah RM500.

Graf 4.1

Tahap Pendidikan




Graf 4.2
Sektor Pekerjaan



T.R. = Tiada Respons

Namun kumpulan terbesar ialah kategori pendapatan RM 1000 - RM 3000. Bilangan yang mendapat pendapatan sebanyak RM 1000 - RM 3000 ialah 201 orang atau 45.1%. Jika ini ditambah dengan mereka yang memperoleh pendapatan RM 3001 - RM 5000 jumlahnya akan menjadi seramai 242 orang (54.3%)²⁴. 7 orang lagi didapati memperoleh pendapatan RM9000 ke atas. Berdasarkan maklumat ini masyarakat di sini boleh digolongkan ke dalam kategori kelas menengah²⁵

Graf 4.3
Jenis Pekerjaan




T.R. = Tiada Respons

²⁴ Walaupun tahap tertinggi pendapatan bagi kelas menengah ialah RM 3999 namun bagi kajian ini - berdasarkan Graf 4.4 ia merangkumi mereka dalam kategori pendapatan RM 1000-5000 disebabkan kategori khusus RM 2000-3999 tiada

²⁵ Posiah Hj Mohd Isa (1993) melihat kelas menengah Melayu di Shah Alam sebagai mereka yang memperoleh pendapatan sebanyak RM 500 ke atas, manakala Abdul Rahman meletakkan jumlahnya antara RM 2000-3999

Graf 4.4
Pendapatan Responden



Kesemua responden tinggal di seksyen-seksyen perumahan dan sebahagian kecil daripada mereka tinggal di kawasan perkampungan yang terdapat di sini. Huraian mengenai bilangan dan lokasi seksyen perumahan telah disentuh di atas.²⁶


Dari segi jenis kediaman yang diduduki pula majoriti responden tinggal di rumah teres – sama ada jenis setingkat, dua tingkat dan kembar dua tingkat. Kumpulan kedua terbesar ialah mereka yang tinggal di rumah flet (lihat Graf 4.5 di bawah)

Di samping maklumat asas mengenai diri responden beberapa maklumat lain turut diperolehi. Pertama ialah mengenai pola pembacaan dan sumber penerimaan maklumat. Kedua, berhubung dengan persepsi mereka mengenai konsep-

²⁶ Lihat hal 186 di atas

konsep yang seringkali dibangkitkan dalam ucapan dan kenyataan seperti yang dihuraikan di bawah²⁷. Ketiga ialah mengenai keanggotaan di dalam parti politik berserta jawatan yang dipegang selain maklumat mengenai pengundian.


Graf 4.5
Jenis Kediaman Responden



Seperti yang dipaparkan dalam Graf 4.6 di bawah, seramai 198 responden menyertai parti politik dengan 104 orang menjadi ahli UMNO, 65 ahli PAS dan 25 orang ahli PKN. Majoriti responden (290 orang) didapati tidak menyertai mana-mana parti politik. Daripada mereka yang menyertainya didapati 21 memegang jawatan parti - 14 dalam UMNO, 5 dalam PAS dan 2 dalam PKN.

²⁷ Lihat halaman 211 di bawah

Graf 4.6
Penyertaan Dalam Parti Politik




4.3.1 Pembacaan, Pelayaran Internet dan Keanggotaan dalam Persatuan

Dari segi pembacaan, responden telah ditanya sama ada mereka membaca majalah-majalah politik-ekonomi seperti *Far Eastern Economic Review*, *Asiaweek*, *TIME*, *Newsweek*, *Aliran Monthly*, Dewan Masyarakat, MASSA, Pemikir atau sebarang majalah politik-ekonomi tidak kira tempatan atau asing. Walaupun mereka tinggal di kawasan urban, tetapi didapati kurang membaca bahan-bahan seperti yang disebutkan ini. Respons yang diterima menunjukkan hanya sebilangan kecil sahaja yang membaca bahan-bahan seperti ini iaitu 39.1%.


Begitu juga dengan kadar penggunaan internet untuk memperolehi maklumat. Hanya 35.8 % sahaja yang melayari internet untuk mendapatkan maklumat.

Graf 4.7
Penyertaan Dalam Badan Bukan Kerajaan (NGOs)



T.R. = Tiada Respons


Graf 4.8
Mendaftar Sebagai Pengundi



T.R. = Tiada Respons

Kebanyakan responden tidak menjadi ahli kepada sebarang badan profesional, perpustakaan, kelab, kesatuan sekerja atau badan bukan kerajaan (NGO). Misalnya, bagi penyertaan dalam badan bukan kerajaan (NGO) didapati hanya 27 orang (6.1 %) menyertainya seperti yang dipaparkan dalam Graf 4.7 di atas. Maklum balas mengenai pengundian mendapati seramai 346 orang (77.6 %) telah mendaftar sebagai pengundi, (Graf 4.8) dan daripada jumlah itu 287 orang (64.3%) pernah mengundi (lihat Graf 4.9 di bawah).

Graf 4.9
Mengundi/Tidak Mengundi



4.3.2 Tanggapan mengenai Demokrasi, Negara Islam, Hudud, Jihad, Sekularisme, Murtad, Keadilan dan Ketuanan Melayu

Pemahaman responden terhadap beberapa konsep yang seringkali berbangkit dalam perbahasan politik semasa di kalangan orang Melayu juga cuba dikesan. Ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran mengenai keprihatinan responden terhadap persoalan-persoalan politik semasa yang diungkapkan menerusi

konsep-konsep tersebut. Konsep-konsep itu ialah demokrasi, Negara Islam, hudud, jihad, sekularisme, murtad, keadilan dan ketuanan Melayu. Sebagai tambahan kepada konsep demokrasi, responden juga ditanya mengenai amalan demokrasi yang terdapat di Malaysia.

Jawapan yang diterima menunjukkan kepelbagaiannya yang agak menarik. Misalnya bagi makna demokrasi, seperti dalam Jadual 4.2 di bawah, majoriti responden – 269 orang (60.3%) - berpendapat bahawa demokrasi ialah sistem di mana terdapat ‘kebebasan bersuara, berhimpun dan memberi pendapat’. Hanya sebilangan yang kecil, 14 orang, (3.1%) menyatakan ia adalah ‘sistem di mana terdapat banyak parti politik’. Ini menunjukkan responden memahami bahawa sesebuah demokrasi memerlukan kebebasan untuk bersuara, berhimpun dan memberi pendapat dan tidak cukup sekadar mempunyai parti politik yang banyak atau mengekalkan pilihan raya.


Jadual 4.2
Pandangan Responden mengenai makna Demokrasi (n= 446)

Makna	Frekuensi	Peratus
sistem di mana ada pilihanraya	67	15
sistem di mana terdapat banyak parti politik	14	3.1
kebebasan bersuara, berhimpun dan memberi pendapat	269	60.3
tiada halangan, ugutan, paksaan	11	2.5
tak tahu/ lain	68	15.1
tidak dapat dipastikan	17	3.7
Jumlah	446	100

Untuk persoalan mengenai demokrasi mereka juga ditanya sama ada Malaysia boleh diterima sebagai sebuah demokrasi atau tidak. Jawapan - seperti dalam Carta 4.1 di bawah - menunjukkan bahawa mereka tidak melihat Malaysia

sebagai sebuah demokrasi sepenuhnya - 229 orang (51.3%). Sebahagian yang lain pula langsung tidak menerima Malaysia sebagai sebuah demokrasi. Apabila respons kedua-dua soalan ini dijumlahkan ia menjadi 280 orang (62%).

Carta 4.1
Respons kpd 'M'sia sebuah demokrasi?'



Kebanyakan daripada responden, iaitu 311 orang (69.7%) juga tidak melihat Malaysia sebagai sebuah Negara Islam (*Islamic State*).

Mengenai persoalan tentang hudud pula kebanyakan responden mendapati hudud merupakan 'hukum berkaitan jenayah menurut syariat Islam' (47.3%). Sementara itu, jihad pula diertikan sebagai 'berjuang di jalan Allah untuk menegakkan Islam dan mempertahankannya daripada pencerobohan luar' oleh majoriti responden (60.1%) Implikasinya ialah responden kurang menerima konsep jihad yang sering dibangkitkan dalam ucapan-ucapan ahli politik pemerintah di mana ia diertikan sebagai usaha meningkatkan taraf ekonomi.

Sekularisme dilihat sebagai ‘pemisahan politik dengan agama’(26.2%). Namun konsep ini masih tidak difahami oleh ramai responden (24.9%) Bagi konsep murtad pula kebanyakannya melihatnya sebagai ‘ keluar daripada Islam dan menganut agama lain’ (65.5%). Sementara itu keadilan dilihat sebagai ‘memberi kepada yang berhak’(33.9%) - peratus tertinggi bagi konsep tersebut daripada pilihan lain yang diberi. Ketuanan Melayu pula diertikan sebagai ‘kuasa pemerintahan di tangan orang Melayu’ (28.5%).

Daripada jawapan-jawapan kepada konsep-konsep yang dikaitkan dengan Islam seperti Negara Islam, hudud, murtad, jihad dan sekularisme satu gambaran umum mengenai kefahaman orang Melayu terhadap agama mereka terutama yang menyentuh isu-isu dan perbahasan-perbahasan yang agak kerap berbangkit mengenai konsep-konsep tersebut diperolehi. Respons mengenainya dianggap dapat membantu dalam membuat analisis aspek nilai agama dalam kajian terutama kepada kenyataan-kenyataan yang menyentuh Negara Islam dan hudud. Ia juga berguna untuk melihat bagaimana nilai agama dimanifestasikan dalam arena politik.

4.4 Nilai-nilai yang dipastikan

Kajian ini telah mencadangkan bahawa beberapa nilai yang telah dikenalpasti perlu diuji bagi mengetahui sama ada ia masih dipegang atau tidak dan dengan itu mempengaruhi tingkahlaku politik. Di samping itu fenomena nilai sebagai sebahagian budaya politik dapat dibentangkan bagi menjelaskan tujuan kajian ini sendiri iaitu menjelaskan ‘perubahan’ kepada sokongan yang diberi kepada parti politik dalam pilihan raya 1999.

Namun jawapan responden pada kenyataan-kenyataan dalam soalselidik semata-mata tidak cukup bagi mengesahkan nilai-nilai tersebut tanpa maklumat tambahan dan susulan daripada responden utama. Selain itu beberapa persoalan yang berbangkit daripada jawapan mereka perlu dihuraikan lagi dan ini boleh dibuat oleh responden utama. Penggabungan respons dalam soal selidik dengan maklumat yang diberi oleh responden utama boleh membantu memberi jawapan kepada permasalahan kajian mengenai kemerosotan sokongan kepada parti pemerintah yang diwakili oleh UMNO pada pilihan raya umum 1999.

Nilai-nilai yang telah dikenalpasti ialah tradisionalisme, ketaatsetiaan, agama, keselesaan dan keperluan untuk mencapai kemajuan, keperluan untuk membalas budi , keperluan kepada aktivisme politik, UMNO adalah perlu untuk perpaduan, keselamatan dan survival orang Melayu , kepimpinan yang terbaik, dan keadilan. Takrif nilai-nilai ini telah dibuat dalam Bab 2 di atas.

Survei kajian telah dibuat hampir satu tahun lima bulan selepas tarikh pembuangan undi pada pilihan raya umum 1999. Ia bermula pada bulan Mac 2001 dan berakhir pada penghujung April 2001. Antara waktu pilihan raya tersebut dan waktu survei dijalankan memang banyak peristiwa dan perkembangan telah terjadi yang mungkin memberi kesan kepada dapatan kajian iaitu pola maklum balas yang dikutip. Begitu juga selepas tempoh tinjauan formal ini sehingga analisis kajian dibuat pada penghujung 2002 dan awal 2003 beberapa peristiwa besar seperti mana dijelaskan di bawah telah terjadi yang berkemungkinan memberi kesan kepada pengundi.

Antara peristiwa-peristiwa tersebut ialah kejadian serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia dan sasaran lain di Amerika pada 11 September 2001.

Sebelum itu ialah penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) aktivis-aktivis reformasi dan PKN di samping beberapa orang lain yang dikatakan merancang untuk mengguling Kerajaan. Mereka dikatakan sebagai sebahagian anggota rangkaian pengganas antarabangsa. Selain itu ialah beberapa pilihan raya kecil yang telah diadakan pada 2000, 2001 dan 2002. Turut menjadi perhatian ialah pengumuman pengunduran diri sebagai Perdana Menteri oleh Dr Mahathir sewaktu perhimpunan agung UMNO pada Jun 2002.

Walau bagaimanapun disebabkan tujuan kajian ini adalah untuk melihat fenomena perubahan sokongan dalam pilihan raya yang lepas dan menjelaskannya sebagai manifestasi budaya politik, jarak antara tarikh mengundi dengan tarikh survei dan sehingga kajian ini selesai ditulis tidak menjelaskan tujuan kajian ini sendiri.

4.4.1 Tradisionalisme

Secara umumnya nilai tradisionalisme merujuk kepada kepentingan yang diletakkan terhadap aspek-aspek budaya Melayu yang telah diwarisi secara turun temurun yang dikenali sebagai tradisi Melayu. *Konsep ini telah diuraikan dalam Bab 2 di atas.*

Dalam konteks kajian, nilai ini tercermin pada aspek politik di mana ciri-ciri tradisional politik Melayu dipertahankan dan diteruskan daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Selain itu ia merupakan kesinambungan dalam cara perjuangan politik Melayu yang bermula sejak sebelum merdeka lagi dan diteruskan setelah UMNO berjaya mengambil alih kepimpinan gerakan nasionalisme Melayu

daripada gerakan-gerakan lain khususnya PKMM. Ciri-ciri tradisional ini diwakili oleh UMNO atas dua sebab.

Pertama, UMNO merupakan institusi politik yang telah wujud sejak tahun 1946, oleh itu ia boleh dianggap sebagai penyimpan (*repository*) dan pemelihara kaedah-kaedah tradisional dalam berpolitik. Kaedah-kaedah ini diperturunkan pula untuk generasi kemudian. Parti ini terus wujud sebagai salah satu daripada dua parti dominan di kalangan orang Melayu.

Kedua, ia boleh dianggap sebagai parti yang memperjuangkan budaya politik tradisional berdasarkan feudalisme sepertimana ditegaskan oleh beberapa sarjana antaranya Chandra (1979) dan Shaharudin Maaruf (1982). Oleh itu kenyataan-kenyataan yang dikemukakan akan melihat kepada tiga aspek seperti berikut.

Aspek pertama ialah sentuhan terhadap budaya Melayu itu sendiri. Budaya Melayu dilihat sebagai satu warisan yang perlu dipertahankan. Budaya Melayu tradisional yang merangkumi seluruh cara hidup Melayu dalam aspek sosial, ekonomi dan politik diperturunkan daripada satu generasi ke generasi berikutnya melalui banyak kaedah dan cara, di mana salah satunya ialah menerusi institusi politik. Parti politik dilihat sebagai mempunyai tanggungjawab untuk memastikan elemen budaya tradisional terus diwarisi.

Meskipun mengalami proses asimilasi yang memberi kesan ke atas budaya yang diwarisi itu namun warisan tersebut cuba dipertahankan dalam bentuknya yang asli dan tradisional sifatnya, khususnya dalam aspek politik²⁸

²⁸ Ini dapat diperhatikan dalam peristiwa Malayan Union di mana usaha dibuat bukan sahaja untuk mempertahankan hak Melayu tetapi institusi yang diwarisi iaitu institusi Raja

Aspek kedua pula ialah tradisionalisme dilihat pada UMNO itu sendiri. UMNO sebagai parti politik Melayu telah wujud sejak 1946 dan mempunyai tradisinya yang tersendiri. Ia dilihat sebagai mendukung warisan lama politik Melayu dan salah satu ciri utamanya ialah kaitannya dengan unsur-unsur tradisional di dalamnya, misalnya nilai feudalisme²⁹. UMNO telah menjadi tapak bagi sebahagian orang Melayu mencapai cita-cita politik sejak ia ditubuhkan dan seringkali dikaitkan dengan apa yang dikenali sebagai ‘agenda Melayu’³⁰.

Ketiga ialah struktur dalaman UMNO yang dimanifestasikan menerusi amalan-amalan dan peraturan-peraturan yang diwarisi sejak ia ditubuhkan dan penerusan ciri-ciri yang terdapat pada sistem politik tradisional yang disebutkan di atas iaitu feudalisme yang menyokong sifat ‘tradisional’ parti ini. Feudalisme tadi ialah berkaitan dengan amalan pembezaan dalam hubungan pemimpin-ahli di mana hubungan ini dikekalkan bagi memastikan kepatuhan dan kesetiaan terhadap pemimpin. Termasuk juga di sini ialah kaedah pemilihan pemimpin secara tradisional yang dikekalkan sekian lama termasuk cara memastikan kesinambungan kaedah ini daripada satu generasi ke generasi berikutnya.

Untuk melihat nilai tradisionalisme, sebanyak enam kenyataan telah dikemukakan. Keenam-enam kenyataan tersebut menyentuh elemen-elemen yang telah dinyatakan di atas, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kenyataan-kenyataan tersebut ialah, (i)‘orang Melayu harus mempertahankan sistem politik yang diwarisi sejak dahulu di mana UMNO menjadi teras kepimpinan negara dan kerajaan’, (ii)‘politik tradisional yang diamalkan selama ini mesti diteruskan dan tak

²⁹ Lihatumpamanya Shahruddin Maaruf (1982) yang menjelaskan mengenai nilai feudalisme dan kaitannya dengan pemimpin Melayu. Lihat juga Chandra Muzaflar (1979) mengenai persoalan yang sama.

³⁰ Aspek lain berhubung dengan UMNO sebagai satu nilai yang tersendiri yang dikatakan mewakili hasrat dan kehendak orang Melayu ialah dari segi pengisian apa yang disebut sebagai ‘agenda Melayu’. Lihat ‘UMNO adalah perlu untuk keselamatan dan survival orang Melayu’, hal 248

perlu ditukar',(iii) ‘ warisan orang Melayu dalam semua aspek akan tergugat sekiranya berlaku perubahan politik negara kerana orang Melayu menolak kerajaan sekarang dan mengantikannya dengan kerajaan baru walaupun dipimpin orang Melayu juga’, (iv)‘orang Melayu lebih senang dengan politik tradisional di mana kepimpinan Melayu bermuafakat dengan pemimpin kaum lain untuk memerintah’, (v)‘pemilihan pemimpin dalam UMNO perlu dikekalkan mengikut cara yang sudah sedia ada sejak sekian lama’ dan (vi)‘orang Melayu amat senang dengan sistem politik sekarang di mana parti yang sama terus memenangi pilihan raya setiap kali ia diadakan’.

Respons umum menunjukkan bahawa pada keseluruhannya tradisionalisme tidak diutamakan walaupun ia masih dipegang. Min bagi semua kenyataan di atas adalah 1.423. Ini bermakna kadar persetujuan sebenarnya rendah. Namun penelitian perlu dibuat bagi setiap kenyataan ini secara berasingan berdasarkan umur, jantina, tahap pendidikan dan angkubah lain.

Disebabkan maksud yang terkandung di dalam keenam-enam kenyataan adalah hampir sama - iaitu berkaitan dengan cara berpolitik tradisional dan UMNO sebagai pewaris sistem itu - dapatan bagi kenyataan-kenyataan tersebut telah digabungkan dan puratanya diperolehi. Penjelasan mengenai tradisionalisme seterusnya merujuk kepada purata tersebut. Ini bermakna hanya puratanya dilihat sebagai mewakili tradisionalisme.

Seperti yang terdapat pada Jadual 4.3 di bawah, peratusan yang cenderung untuk bersetuju bagi mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas ialah 53.3 % berbanding 38.9% bagi mereka di bawah 40 tahun. Dapatan yang agak menonjol

ialah bagi mereka berumur 31-40 tahun yang didapati mempunyai kadar tidak bersetuju yang tertinggi iaitu 61.6%

Jadual 4.3
Tradisionalisme dan Umur (*N*= 372)

		Umur Responden						Jumlah
		21 ke bawah	22-30	31-40	41-50	51-60	61-70	
Setuju	Bilangan	12	51	27	43	20	4	157
	Peratus	48.0	37.2	31.4	53.1	57.1	50.0	42.2
Tidak Pasti	Bilangan	2	14	6	6	2	-	30
	Peratus	8.0	10.2	7.0	7.4	5.8	-	8.1
Tak Setuju	Bilangan	11	72	53	32	13	4	185
	Peratus	44.0	52.6	61.6	39.5	37.1	50.0	49.7
Jumlah	Bilangan	25	137	86	81	35	8	372

Jadual 4.3 juga menunjukkan bahawa umumnya kecenderungan untuk bersetuju adalah lebih tinggi di kalangan mereka yang berumur. Ini jelas pada mereka dalam kumpulan umur 41-50 tahun (53.1%) berbanding 39.5% bagi yang tidak bersetuju. Begitu juga bagi yang berumur 51-60 tahun yang menunjukkan kecenderungan yang sama di mana yang bersetuju adalah lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju. Sebaliknya seperti yang telah disebut di atas mereka yang di bawah 40 tahun didapati lebih ramai yang tidak bersetuju. Perbezaan mengikut angkubah umur ini penting untuk diperhatikan kerana ia boleh menjawab persoalan berkaitan sokongan terhadap parti pemerintah.

Nilai ini turut diperhatikan bersama nilai-nilai lain bagi mengesan kecenderungan tersebut. Kecenderungan menolak parti pemerintah boleh juga dikesan antara lain daripada keputusan pembuangan undi mengikut saluran di kawasan kajian bagi daerah-daerah mengundi yang mempunyai majoriti pengundi Melayu. Ia boleh

menjadi bukti mengenai pola pengundian mengikut umur sekaligus mengesahkan terdapat kaitan antara umur dengan sokongan. Perkara ini akan dibincangkan lagi di bawah.³¹

Dari segi jantina pula, penemuan adalah lebih jelas – responden perempuan seramai 49 orang (49.2%) nampaknya berpegang kepada tradisionalisme berbanding dengan lelaki yang hanya berjumlah 22 orang (35.5%). Ini bermakna orang lelaki tidak mempunyai pendirian yang sama dengan orang perempuan dalam persoalan ini. Manakala bagi tahap pendidikan didapati bahawa mereka yang mempunyai pendidikan tinggi lebih cenderung untuk tidak menyetujui bahawa tradisionalisme itu penting (lihat Jadual 4.4 dan 4.5 di halaman 222 di bawah).

Tinjauan turut mendapatkan respons daripada mereka yang mengundi dan yang tidak mengundi. Data menunjukkan bahawa mereka yang pernah mengundi kebanyakannya tidak bersetuju berbanding dengan mereka yang tidak mengundi. Bukan itu sahaja, pengundi di bawah 40 tahun juga didapati cenderung untuk tidak bersetuju berbanding mereka yang berumur melebihi 41 tahun, seperti yang terdapat pada Jadual 4.6 (halaman 223) di bawah.

Berdasarkan umur, jantina dan tahap pendidikan adalah jelas bahawa tradisionalisme tidak menonjol sebagai nilai utama. Disebabkan UMNO dilihat sebagai pembawa unsur tradisionalisme dalam politik sedangkan tradisionalisme sendiri tidak begitu teguh dipegang sebagai satu nilai, ia memberi implikasi ke atas parti itu sendiri. Maksudnya salah satu sebab sokongan terhadap UMNO menjadi lemah ialah kerana perjuangannya meneruskan tradisi politik yang telah diwarisi sekian lama yang digambarkan dalam nilai tradisionalisme ini. Aspek tradisionalisme tidak begitu menyumbang kepada sokongan terhadap parti pemerintah. Persoalannya

³¹ Pemerihalan pembuangan undi mengikut saluran dibuat dalam Bab 6 di bawah. Lihat hal. 409

ialah apakah orang Melayu beralih sokongan kepada pembangkang kerana amalan tradisionalisme di dalam UMNO? Analisis berkaitan nilai-nilai lain akan turut menyumbang kepada kefahaman tentang sokongan dan penolakan terhadap UMNO antaranya kerana nilai tradisionalisme yang semakin lemah ini.

Jadual 4.4
Tradisionalisme dan Jantina ($N=369$)

		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Setuju	Bilangan	65	90	157
	Peratus	35.5	49.2	42.5
Tidak Setuju	Bilangan	104	77	182
	Peratus	56.8	42.1	49.3
Tidak Pasti	Bilangan	14	16	30
	Peratus	7.7	8.7	8.2
Jumlah	Bilangan	183	183	369

Jadual 4.5
Tradisionalisme dan Tahap Pendidikan ($N=368$)

		Tahap Pendidikan								Jumlah
		darjah 6	tingka-tan 3	tingkatan 5	tingkatan 6	diplo-ma	ijazah asas	sarja-na	kedok-toran	
Setuju	Bil	10	7	47	14	37	30	10	-	155
	%	62.5	47.0	41.0	47.0	36.3	31.6	33.4	-	38.0
Tidak Setuju	Bil	5	7	47	9	43	54	15	3	183
	%	31.3	47.0	41.0	30.0	42.2	56.8	50.0	60.0	44.7
Tidak Pasti	Bil	-	1	8	3	7	7	3	1	30
	%	-	6.7	6.9	10.0	6.9	7.4	10.0	20.0	7.3
Jumlah	Bil	15	15	102	26	87	91	28	4	368
	%	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Kedua, terdapat perbezaan-perbezaan yang nyata antara kumpulan umur, jantina dan tahap pendidikan. Yang cenderung untuk bersetuju, oleh itu masih

berpegang dengan nilai ini ialah di kalangan mereka yang berumur, di kalangan orang perempuan dan mereka yang mendapat pendidikan ke tahap yang tidak berapa tinggi. Andainya dibuat dua kategori untuk tahap pendidikan - kategori rendah bagi mereka yang mendapat pendidikan tingkatan 6 ke bawah dan kategori tinggi bagi mereka yang mendapat diploma ke atas, maka dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori rendah mempamirkan kadar persetujuan 53.4% berbanding 46.6% yang tidak bersetuju. Sebaliknya bagi kategori tinggi cuma 40.1% yang bersetuju manakala yang tidak bersetuju pula ialah 59.9%

Jadual 4.6

Tradisionalisme mengikut Umur di kalangan yang mengundi sahaja (%) [N=413]

Umur	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti
22-30	39.7	39.6	13.8
31-40	29.3	44.8	6.1
41-50	48.8	33.3	6.0
51-60	60.0	33.4	3.3
61-70	60.0	40.0	-

Implikasi daripada penemuan ini ialah nilai tradisionalisme tidaklah kukuh. Disebabkab itu amalan politik tradisional atau kaedah tradisional yang dibawa oleh UMNO kurang mendapat tempat dan sokongan, sekaligus membayangkan bahawa jika ada sokongan terhadap UMNO ia bukan sangat kerana nilai tradisionalisme. Dalam membicarakan tradisionalisme, amalan feudalisme perlu diperhatikan sebagai komponen penting dalam nilai tersebut, dan barangkali ini turut menjadi perhitungan dalam membuat pemilihan. Oleh itu salah satu sebab UMNO

mungkin tidak lagi diberi keutamaan ialah kerana elemen-elemen tradisional yang diwakilinya telah pun dikesampingkan.

4.4.2 Ketaatsetiaan

Ketaatsetiaan di sini dilihat sebagai memberi ketaatan dan kesetiaan kepada kerajaan yang dipimpin oleh BN di mana UMNO menjadi terasnya. Ini bermakna bahawa konsep ketaatan dan kesetiaan bukan sekadar taat dan setia pada Kerajaan tetapi pada hakikatnya ia adalah diberi kepada UMNO (sepertimana jelas pada sebahagian kenyataan yang dikemukakan).

Walaupun keadaan ini tidak semestinya terjadi sebegitu rupa - seseorang boleh memberi ketaatan atau kesetiaan kepada kerajaan tanpa membabitkan parti yang menguasainya - namun dalam konteks kajian kandungan kenyataan yang dikemukakan itu sengaja mengaitkan kerajaan dengan UMNO supaya responden boleh memilih untuk sama ada mahu mengaitkan ketaatsetiaan dengan UMNO sebagai parti teras kerajaan ataupun tidak. Andainya mereka tidak bersetuju dengan hubungan parti-Kerajaan seperti yang dimaksudkan, mereka bebas untuk menyatakan pendirian tersebut.

Tujuh kenyataan telah dikemukakan untuk mendapatkan respons mengenai nilai ini. Kesemua kenyataan tersebut menyentuh secara langsung mengenai pemberian ketaatsetiaan kepada Kerajaan, UMNO, kepimpinan Kerajaan atau kepimpinan UMNO.

Maklum balas bagi nilai ini agak jelas. Ketaatsetiaan secara mutlak - seperti yang dimaksudkan dalam kenyataan-kenyataan - adalah ditolak. Sepertimana

terdapat pada Jadual 4.7 di bawah (lihat halaman 222) berlainan daripada golongan tua, generasi muda (40 tahun ke bawah) pada umumnya didapati tidak bersetuju supaya taatsetia diberikan kepada pemerintah.

Walaupun kenyataan yang lebih umum seperti, ‘secara umumnya orang Melayu menyokong kerajaan sekarang kerana ia dipimpin oleh orang Melayu dan kerana tuntutan Islam’ telah dikemukakan, dan tidak menjurus kepada mana-mana parti khusus, namun beberapa kenyataan yang merujuk khusus kepada kerajaan, BN dan UMNO turut dikemukakan.

Kenyataan-kenyataan tersebut ialah, (i) ‘orang Melayu tidak akan derhaka kepada pemimpin, oleh itu mereka perlu terus memberi kesetiaan sepenuhnya kepada kepimpinan politik dan kerajaan yang ada sekarang’, (ii) ‘kesetiaan kepada parti pemerintah sekarang mesti diteruskan jika mahu menikmati kemajuan dan pembangunan dan memperoleh kejayaan’, (iii) ‘orang Melayu akan menentang sebarang usaha untuk mengganti kerajaan atau kepimpinan Melayu yang ada sekarang kerana ia merupakan tindakan menderhaka’, (iv) ‘orang Melayu yang menolak UMNO di Kelantan dan Terengganu boleh dianggap tidak lagi setia kepada kerajaan kepimpinan Melayu seperti yang sepatutnya’, (v) ‘generasi muda sekarang sudah mula tidak taatsetia kepada kepimpinan kerajaan dan ini tidak wajar’.

Selain perbezaan mengikut umur, turut diperhatikan ialah perbezaan berdasarkan jantina, tahap pendidikan dan jenis pekerjaan. Walaupun secara keseluruhannya orang perempuan menolak untuk memberi ketaatsetiaan terhadap UMNO dan kepimpinan kerajaan tetapi kadar penolakan adalah lebih tinggi bagi orang lelaki. Dilihat dari segi pekerjaan pula adalah didapati bahawa responden dalam

semua jenis pekerjaan kecuali kumpulan peniaga tidak mahu memberi ketaatsetiaan mutlak terhadap UMNO, kepimpinanannya atau kepimpinan kerajaan.

Min bagi nilai ini ialah 1.844. Disebabkan 1.0 menandakan persetujuan dan 2.0 penolakan, angka ini menunjukkan bahawa ketaatsetiaan secara mutlak bukan menjadi nilai utama malah ia tidak signifikan bagi golongan muda terutama mereka yang berumur antara 31-40 tahun. Min bagi kumpulan ini ialah setinggi 1.99.

Empat kenyataan teras dikenalpasti bagi mendapat gambaran mengenai nilai ini. Kenyataan-kenyataan tersebut berbunyi: (i)‘orang Melayu tidak akan derhaka kepada pemimpin, oleh itu mereka terus perlu memberi kesetiaan sepenuhnya kepada kepimpinan politik dan kerajaan yang ada sekarang’, (ii)‘orang Melayu akan menentang sebarang usaha untuk mengganti kerajaan atau kepimpinan Melayu yang ada sekarang kerana ia merupakan tindakan menderhaka’, (iii)‘ orang Melayu yang menolak UMNO di Kelantan dan Terengganu boleh dianggap tidak lagi setia kepada kerajaan kepimpinan Melayu seperti yang sepatutnya’ dan (iv)‘generasi muda sekarang sudah mula tidak taat setia kepada kepimpinan kerajaan dan ini tidak wajar’.

Kesemua kenyataan di atas menuntut agar ketaatsetiaan diberikan kepada pemerintah tanpa soal. Sebarang tindakan yang boleh digambarkan sebagai menentang pemerintah, atau bertujuan mengubah kerajaan termasuk keengganan memberi taat dianggap satu penderhakaan. Menderhaka merupakan nilai yang amat negatif sekiranya disandarkan kepada tradisi lama seperti yang digambarkan dalam kisah Hang Tuah. Ia juga dilarang dalam agama walaupun taat dan derhaka mempunyai makna dan tuntutan yang berbeza sama sekali jika dibandingkan dengan tradisi taatsetia yang diwarisi dalam budaya politik Melayu. Ini kerana ketaatan dalam

Islam juga mempunyai syaratnya³². Namun maklum balas jelas menunjukkan ketaatsetiaan secara mutlak adalah ditolak.

Tanggapan terhadap kenyataan: ‘Orang Melayu tidak akan derhaka kepada pemimpin’

Jadual 4.7 di bawah juga menunjukkan bahawa 65.5% di kalangan mereka yang berumur di bawah umur 21 menolak untuk memberi taatsetia seperti yang terbayang dalam kenyataan di atas. Peratusan bagi mereka antara 22-30 tahun adalah lebih tinggi pada 69.5%, dan yang berumur 31-40 tahun lebih tinggi lagi - iaitu 75.5%.

Sekali lagi kecenderungan yang jelas berdasarkan umur dapat diperhatikan. Mereka dalam kumpulan umur 51-60 didapati lebih ramai bersetuju (51.3%) daripada yang tidak (48.7%). Bagi mereka berumur 22-30 tahun dan 31-40 tahun perbezaan adalah begitu ketara - yang tidak bersetuju adalah lebih tiga kali ganda ramai daripada yang bersetuju. Ini menunjukkan sokongan terhadap kerajaan dan parti pemerintah daripada kalangan generasi muda adalah rendah. Ia juga boleh menjelaskan kenapa terjadi peralihan sokongan kepada pembangkang di tempat yang mempunyai pengundi muda yang ramai.³³

Melihat kepada respons daripada pengundi pula sekali lagi didapati mereka yang telah mengundi dan berusia antara 22-40 tahun didapati lebih ramai tidak bersetuju berbanding mereka yang berumur 41-60 tahun (lihat Jadual 4.8 di bawah).

³² - Lihat al-Quran, 4:59. Ayat ini menekankan ketaatan terhadap pemimpin sekiranya ketaatan terhadap Allah dan Rasul telah dipenuhi. Lihat juga Hamka, Tafsir al-Azhar, Juzu' IV, hal 135-160

³³ Mengenai sebab-sebab kenapa golongan muda tidak menyokong kerajaan diteliti dalam Bab 6 di bawah

Jadual 4.7
Pandangan mengikut Umur terhadap kenyataan : ‘Orang Melayu tidak akan derhaka kepada pemimpin’ (N=439)

Umur	Pilihan Pendapat (Bil/%)			Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti	
21 ke bawah	9 (31.0)	19 (65.5)	1 (3.4)	29
22-30	38 (23.2)	114 (69.5)	12 (7.3)	164
31-40	22 (21.6)	77 (75.5)	3 (2.9)	102
41-50	39 (40.6)	53 (55.2)	4 (4.2)	96
51-60	20 (51.3)	19 (48.7)	-	39
61-70	1 (11.1)	8 (88.9)	-	9
Jumlah	129 (29.4)	290 (66.1)	20 (4.6)	439

Jadual 4.8
Pandangan mengikut Umur di kalangan yang mengundi terhadap kenyataan : ‘Orang Melayu tidak akan derhaka kepada pemimpin’(%) [N=436]

Umur	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
22-30	41.3	57.1	1.6
31-40	30.3	66.3	3.4
41-50	48.3	46.1	5.6
51-60	50	50	-
61-70	33.3	50	16.7
Jumlah	40.6	53.9	5.5

Tanggapan terhadap kenyataan: ‘menentang kepimpinan merupakan satu tindakan menderhaka’

Bagi kenyataan ini pula, 67.9% dalam kategori umur 21 tahun ke bawah dan 67.1% bagi kategori umur 22-30 tahun tidak bersetuju. Peratusan bagi mereka di bawah 40 tahun yang tidak bersetuju adalah 69.8 % sedangkan yang bersetuju hanya 17.8%. Walaupun mereka yang berumur 41 tahun ke atas juga ramai

yang tidak bersetuju (70.8%) tetapi peratusan yang bersetuju di kalangan mereka adalah tinggi sedikit berbanding dengan mereka di bawah 40 tahun iaitu 23.5%. Lihat Jadual 4.9 di bawah. Bagi semua kategori umur persetujuan didapati hanya berada pada kadar 29.4% sedangkan penolakan ialah 66.1%

Jadual 4.9

Pandangan mengikut Umur terhadap kenyataan: “menentang kepimpinan merupakan satu tindakan menderhaka” (N=439)

Umur	Pilihan Pendapat (Bil/%)			Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti	
21 ke bawah	4 (14.3)	19 (67.9)	5 (17.9)	28
22-30	30 (18.3)	110 (67.1)	24 (14.6)	164
31-40	21 (20.8)	75 (74.3)	5 (5.0)	101
41-50	24 (25.3)	60 (63.2)	11 (11.6)	96
51-60	13 (34.2)	23 (60.5)	2 (5.3)	38
61-70	1 (11.1)	8 (88.9)	-	9
Jumlah	129 (29.4)	290 (66.1)	20 (4.6)	439

Tanggapan terhadap kenyataan: “Orang Melayu...di Kelantan dan Terengganu...tidak lagi setia ...’

Bagi kenyataan ini data menunjukkan 82.8 % dalam kategori umur 21 tahun ke bawah menolaknya berbanding 79.0 % bagi mereka dalam kategori umur 22-30 tahun (lihat Jadual 4.10 di bawah). Sekali lagi mereka yang lebih berumur seperti kumpulan umur 51-60 tahun yang walaupun lebih ramai tidak bersetuju tetapi peratusannya adalah lebih rendah (59.0%) berbanding dengan mereka di bawah 40 tahun.

Walaupun responden tinggal di Shah Alam namun perbezaan dalam pilihan politik di kalangan orang Melayu Kelantan dan Terengganu tidak dilihat sebagai sesuatu yang luar biasa, atau yang tidak patut ataupun tindakan memilih PAS dilihat sebagai tindakan ‘menolak kepimpinan Melayu’. Bagi responden, pilihan yang

dibuat oleh orang Melayu di kedua-dua negeri tersebut tidak dilihat sebagai sesuatu yang salah. Ini kerana konsep derhaka tidak meliputi keadaan seperti ini.

Jadual 4.10

Pandangan mengikut Umur terhadap kenyataan : “Orang Melayu ...di Kelantan dan Terengganu ...tidak lagi setia”(N= 440)

Umur	Pilihan Pendapat (Bil/%)			Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti	
21 ke bawah	1 (3.4)	24 (82.8)	4 (13.8)	29
22-30	18 (11.1)	128 (79.0)	16 (9.9)	162
31-40	13 (12.4)	83 (79.0)	9 (8.6)	105
41-50	19 (19.8)	66 (68.8)	11 (11.5)	96
51-60	13 (33.3)	23 (59.0)	3 (7.7)	39
61-70		6 (66.7)	3 (33.3)	9
Jumlah	64 (14.5)	330 (75.0)	46 (10.5)	440

Tanggapan terhadap kenyataan : “Generasi muda ...tidak taat setia kepada kepimpinan kerajaan dan ini tidak wajar”

Kenyataan ini memberi perhatian khusus terhadap generasi muda. Ia berkaitan dengan pandangan umum bahawa golongan muda bertindak menentang pemerintah. Penentangan tersebut dikatakan bermula sejak kebelakangan ini terutama kerana Anwar Ibrahim dipecat daripada Kerajaan dan parti dan peristiwa-peristiwa yang menimpa beliau selepas itu. Ternyata daripada maklum balas bahawa persetujuan terhadap kenyataan ini adalah agak rendah terutama di kalangan mereka yang berumur 40 tahun ke bawah. Barangkali respons seperti ini memang sudah dijangka, tetapi peratusan tidak bersetuju bagi mereka yang berumur 31-40 tahun adalah lebih tinggi daripada mereka yang lebih muda seperti yang terdapat dalam Jadual 4.11 di bawah.

Sebaliknya mereka yang lebih tua seperti golongan berumur 41-50 tahun dan 51-60 tahun walaupun tidak bersetuju, tetapi perbezaan antara yang

bersetuju dengan tidak bersetuju tidaklah besar - bagi kumpulan umur yang pertama 37.8% bersetuju dan 51.0% tidak bersetuju. Bagi mereka yang berumur 51-60 tahun pula jurang adalah lebih kecil, 43.6% bersetuju dan 46.2% tidak bersetuju.

Jadual 4.11

Pandangan mengikut Umur terhadap kenyataan: "Generasi muda sekarang sudah mula tidak taat setia kepada kepimpinan kerajaan dan ini tidak wajar" ($N=439$)

Umur	Pilihan Pendapat (Bil/%)			Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti	
21 ke bawah	12 (41.4)	15 (51.7)	2 (6.9)	29
22-30	44 (27.0)	106 (65.0)	13 (8.0)	163
31-40	23 (22.8)	73 (72.3)	5 (5.0)	101
41-50	37 (37.8)	50 (51.0)	11 (11.2)	98
51-60	17 (43.6)	18 (46.2)	4 (10.3)	39
61-70	-	7 (77.8)	2 (22.2)	9
Jumlah	133 (30.3)	269 (61.3)	37 (8.4)	439

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.12 , 4.13 dan 4.14 (halaman berikut) di bawah, terdapat kecenderungan yang sama bagi angkubah lain seperti jantina, tahap pendidikan dan pekerjaan dalam respons kepada keempat-empat kenyataan ini. Responden tidak bersetuju dengan pemberian ketaatsetiaan secara mutlak. Perbezaan antara jantina dalam melihat ketaatsetiaan masih mengekalkan kecenderungan yang sama; lebih ramai lelaki tidak bersetuju berbanding dengan perempuan. Dalam kategori persetujuan pula lebih ramai perempuan bersetuju berbanding lelaki.

Bagi tahap pendidikan juga mereka yang berpendidikan tinggi terutama yang mempunyai diploma ternyata paling tidak menyetujui keempat-empat kenyataan teras ini. Sebaliknya mereka yang mempunyai kelulusan tingkatan tiga pula paling ramai memberi persetujuan malah lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju seperti yang terdapat pada Jadual 4.13 di bawah.

Jadual 4.12
Pandangan mengikut Jantina terhadap empat kenyataan teras mengenai Ketaatsetiaan
(N=387)

	Jantina			Jumlah
	Lelaki	Perempuan	Jantina tidak diketahui	
Setuju	35 (17.6)	41(22.2)	1 (33.3)	77(19.9)
Tak Setuju	130 (65.3)	108 (58.4)	1 (33.3)	239 (61.8)
Tak Pasti	34 (17.1)	36 (19.5)	1 (33.3)	71 (18.3)
Jumlah	199)	185	3	387

Jadual 4.13
Pandangan mengikut Tahap Pendidikan terhadap empat kenyataan teras mengenai
Ketaatsetiaan (N= 391)

Tahap	Pilihan Pendapat (Bil/%)			Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti	
Darjah 6	4 (28.6)	7 (50.0)	3 (21.4)	14
Tingkatan 3	8 (44.4)	7 (38.9)	3 (16.7)	18
Tingkatan 5	20 (18.2)	67 (61.0)	23 (21.0)	110
Tingkatan 6	8 (27.5)	12 (41.4)	9 (31.0)	29
Diploma	15 (16.1)	64 (68.8)	14 (15.1)	93
Ijazah Asas	12 (12.8)	64 (68.1)	18 (19.1)	94
Sarjana	7 (23.3)	19 (63.4)	4 (13.3)	30
Kedoktoran	1 (33.3)	1 (33.3)	1 (33.3)	3
Jumlah	75 (19.2)	241 (61.6)	75 (19.2)	391

Jadual 4.14
Pandangan mengikut jenis Pekerjaan terhadap empat kenyataan teras mengenai
Ketaatsetiaan (N= 355)

Jenis Pekerjaan	Pilihan Pendapat (Bil/%)			Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti	
pengurusan/pentadbiran	12 (19.7)	45 (73.8)	4 (6.6)	61
suri rumah	6 (17.6)	22 (64.8)	6 (17.6)	34
teknikal	4 (10.5)	29 (76.3)	5 (13.2)	38
profesional	9 (29.0)	19 (61.3)	3 (9.7)	31
perguruan	3 (9.7)	20 (64.5)	8 (25.8)	31
kontraktor	3 (25.0)	5 (41.7)	4 (33.3)	12
perburuhan	-	2 (66.7)	1 (33.3)	3
perkeranian	6 (18.8)	18 (56.3)	8 (25.0)	32
perkilangan	7 (21.2)	19 (57.6)	7 (21.2)	33
perniagaan	7 (33.3)	9 (42.9)	5 (23.8)	21
lain-lain	11(18.6)	35 (59.3)	13 (22.0)	59
Jumlah	68(19.2)	223 (62.8)	64 (18.0)	355

Umumnya semua kategori pekerjaan menyaksikan kadar persetujuan yang lebih rendah. Mereka yang bekerja sebagai guru memberikan persetujuan terendah dengan hanya 9.7% sedangkan golongan peniaga pula memberikan persetujuan tertinggi pada 33.3%. Namun di kalangan peniaga juga lebih ramai yang tidak bersetuju (42.9%) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.14 di atas.

Satu perkara yang menarik ialah ramainya responden yang didapati tidak memberikan sebarang maklum balas - 64 orang (18.0%). Angkubah pekerjaan menunjukkan terdapat responden dalam bidang pekerjaan tertentu seperti perniagaan, kontraktor dan perkeranian yang tidak mahu memberikan sebarang respons. Misalnya 33.3% kontraktor, 25.0% kerani dan 23.8% daripada peniaga tidak memberikan respons.

Keadaan ini mungkin terjadi kerana kebimbangan terhadap risiko yang terpaksa dihadapi dari segi peluang perniagaan sekiranya maklumat yang diberi terlepas ke tangan pihak lain walaupun pengkaji telah memberikan jaminan mengenai kerahsiaan segala maklumat yang diberikan ditambah tidak ada risiko dari segi dikesan kerana nama mereka tidak dicatat. Bagi golongan kerani yang tidak menjawab nampaknya sebagai kakitangan bawahan mereka mungkin merasai terdapat risiko sekiranya memberi maklumat yang boleh menyebabkan tindakan diambil terhadap mereka oleh pegawai atasan. Perkara ini akan disentuh lagi dalam bab 6.³⁴

Salah satu perkara menarik ialah penolakan terhadap ketatasetiaan mutlak adalah lebih tinggi di kalangan golongan muda, iaitu mereka di bawah 40 tahun, lelaki, berkerjaya profesional atau teknikal dan mempunyai pendidikan tinggi

³⁴ Lihat hal 385-387 di bawah

sekurang-kurangnya ke peringkat ijazah asas. Ini boleh diperhatikan pada respons seperti yang tertera dalam jadual-jadual di atas.


Berdasarkan kepada min yang tinggi dan respons kepada kenyataan-kenyataan utama tadi menunjukkan bahawa ketaatsetiaan mutlak tidak diterima. Keengganan memberi taatsetia tidak dianggap sebagai satu penderhakaan di mana ini telah ditunjukkan oleh responden apabila kenyataan yang menyentuh ‘penderhakaan’ dikemukakan kepada mereka.

Lebih jauh lagi penderhakaan tidak boleh diertikan sebagai tindakan tidak memberi ketaasetiaan kepada UMNO. Misalnya, orang Melayu di Kelantan dan Terengganu dilihat sebagai tidak melakukan sebarang penderhakaan hanya kerana memilih pemerintah yang bukan diterajui oleh UMNO. Dalam konteks ini, penolakan terhadap UMNO tidak menjadi masalah kerana ia tidak bersangkut-paut dengan persoalan penderhakaan.

Begitu juga keadaannya sekiranya kerajaan hendak diganti. Ia memang boleh dilakukan kerana tindakan seperti itu bukan dilihat sebagai satu tindakan menderhaka. Sehubungan itu juga generasi muda yang menolak kepimpinan politik dan Kerajaan sekarang juga tidak melakukan sebarang penderhakaan.

Ringkasnya dakwaan bahawa sekelompok orang telah ‘menderhaka’ tidak boleh dilemparkan kepada mana-mana pihak hanya kerana pihak atau kelompok tersebut tidak menyokong kerajaan atau parti pemerintah. Inilah yang menjadi pegangan orang Melayu.

Carta 4.2
Tanggapan terhadap Ketaatsetiaan



Implikasi daripada ini ialah, takrif derhaka sendiri pada pandangan orang Melayu bukan secara automatis boleh dimaksudkan sebagai tindakan membelakangkan UMNO atau Kerajaan yang dipimpinnya. UMNO dan Kerajaan barangkali masih boleh diterima tetapi penerimaan itu bukan sebagai manifestasi ‘taatsetia’ orang Melayu terhadapnya. Atas sebab yang sama, sokongan terhadap Kerajaan Kelantan dan Terengganu juga bukan merupakan manifestasi derhaka terhadap UMNO dan Kerajaan.

Hasil yang diperolehi bagi nilai ini amat penting kerana ia menuntut penjelasan terhadap fenomena sokongan akibat taatsetia itu. Secara keseluruhannya sepertimana yang terdapat pada Carta 4.2 di atas, jelas penerimaan terhadap taatsetia adalah rendah di kalangan orang Melayu.

4.4.3 Keselesaan dan Keperluan untuk Mencapai Kemajuan

Nilai ini dikesan dengan mengemukakan tiga (3) kenyataan. Kenyataan- kenyataan tersebut melihat secara khusus bagaimana kebendaan yang dimanifestasikan pada kemajuan ekonomi dan pencapaian ekonomi dianggap sebagai perkara lebih utama dan mengatasi perkara-perkara lain iaitu persoalan moral dan spiritual. Unsur spiritual di sini dimanifestasikan pada agama. Hubungan antara keselesaan dan keperluan untuk mencapai kemajuan dengan politik ialah pada pencapaian kemajuan dan keselesaan yang dilihat sebagai hasil yang dikecapi daripada pemerintahan sedia ada.

Ketiga-tiga kenyataan tersebut berbunyi, (i)'walaupun agama adalah penting tetapi pembangunan dari segi kebendaan khususnya kemajuan ekonomi perlu diutamakan pada masa ini', (ii)'isu-isu yang dibangkitkan mengenai rasuah dan kronisme tidak perlu diberi perhatian kerana ia akan mengganggu usaha mencapai kemajuan ekonomi orang Melayu' dan (iii)'rasuah dan salahguna kuasa terlalu sedikit berlaku, oleh itu tidak perlu diungkit kerana akan menghalang pencapaian ekonomi orang Melayu'.

Dalam mendapatkan maklumbalas bagi kenyataan-kenyataan tersebut, faktor yang dikira penting ialah kaitan antara Kerajaan dan kemajuan ekonomi ataupun antara kemajuan dengan kepimpinan politik. Untuk ini dua kenyataan tambahan dikemukakan. Kenyataan-kenyataan tersebut ialah, (iv)'setakat ini orang Melayu boleh dikatakan sudah mencapai kemajuan, kejayaan dan keselesaan dalam banyak bidang hasil usaha kerajaan yang wujud sekarang' dan (v)'orang Melayu akan merasa selesa apabila kuasa politik dipegang oleh orang Melayu sendiri seperti yang wujud sekarang'. Walaupun kenyataan kedua tidak melihat secara khusus kumpulan

atau parti manakah yang memegang tumpuk kekuasaan namun ia menyentuh tentang perasaan ‘keselesaan’ yang mereka bakal rasai sekiranya kepimpinan dipegang oleh orang Melayu sendiri.

Seperti yang diterangkan dalam bab 2 di atas, keselesaan yang cuba dikesan diandaikan sebagai kesan daripada kemajuan ekonomi hasil wujudnya kerajaan dan kepimpinan politik yang ada sekarang. Respons secara umum kepada tiga kenyataan awal menunjukkan bahawa keselesaan dan kemajuan ekonomi tidak bermakna masalah salah laku seperti rasuah, kronisme dan salah guna kuasa boleh diketepikan ataupun diterima. Min bagi ketiga-tiga kenyataan ini ialah 1.66.

Terdapat perbezaan kepada min bagi setiap kenyataan. Misalnya bagi kenyataan ‘walaupun agama adalah penting tetapi pembangunan dari segi kebendaan khususnya kemajuan ekonomi perlu diutamakan pada masa ini’, mendapati min ialah 1.38, sedangkan bagi kenyataan ‘isu-isu yang dibangkitkan mengenai rasuah dan kronisme tidak perlu diberi perhatian kerana ia akan menganggu usaha mencapai kemajuan ekonomi orang Melayu minnya ialah 1.78. Min bagi kenyataan ‘rasuah dan salah guna kuasa terlalu sedikit berlaku oleh itu tidak perlu diungkitkan kerana akan menghalang pencapaian ekonomi orang Melayu’ ialah 1.80.

Ini menunjukkan bahawa gejala-gejala seperti rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan tidak boleh diterima hanya semata-mata mahu memperoleh kemajuan. Implikasinya ialah hujah yang digunakan oleh mereka yang menentang Kerajaan dan parti pemerintah pasca September 1999 atas dakwaan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan telah menggunakan pendekatan yang agak berkesan

guna kuasa boleh diterima asalkan pada masa yang sama keselesaan yang dirasai meningkat di samping peningkatan turut terjadi pada kemajuan kebendaan.

Jadual 4.15

Pandangan mengikut Umur terhadap tiga kenyataan teras mengenai Keselesaan dan Kemajuan (*N= 405*)

		Umur						Jumlah
		21 ke bawah	22-30	31-40	41-50	51-60	61-70	
Setuju	Bil	3	15	3	20	9	1	51
	%	10.3	10.2	3.2	22.5	24.3	11.1	12.6
Tak Setuju	Bil	26	132	91	69	28	8	354
	%	89.7	89.8	96.8	77.5	75.7	88.9	87.4
Jumlah	Bil	29	147	94	89	37	9	405

Jadual 4.16

Pandangan mengikut Jantina terhadap kenyataan: ‘Rasuah dan salah guna kuasa terlalu sedikit berlaku ...oleh itu tak perlu diungkit ...’ (*N= 408*)

		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Setuju	Bilangan	20 (9.57)	11 (5.53)	31 (7.6)
Tak Setuju	Bilangan	189 (90.43)	188 (94.47)	377 (92.4)
Jumlah	Bilangan	209 (100.0)	199 (100.0)	408 (100.0)

Jadual 4.17

Pandangan mengikut Tahap Pendidikan terhadap kenyataan-kenyataan teras mengenai Keselesaan dan Kemajuan (*N= 402*)

Tahap	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
Darjah 6	4 (23.5)	13 (76.5)	17
Tingkatan 3	2 (11.8)	15 (88.2)	17
Tingkatan 5	14 (12.1)	102 (87.9)	116
Tingkatan 6	5 (17.9)	23 (82.1)	28
Diploma	11 (11.3)	86 (88.7)	97
Ijazah Asas	7 (7.6)	85 (92.4)	92
Sarjana	7 (23.3)	23 (76.7)	30
Kedoktoran	1 (20.0)	4 (80.0)	5
Jumlah	51 (12.7)	351 (87.3)	402

Respons yang diberi juga membayangkan bahawa pada pendapat responden terdapat amalan-amalan sedemikian dan kerana itulah walaupun mereka mengakui kemajuan telah dicapai - min 1.27 - tetapi Kerajaan dan parti yang menguasainya tidak boleh dilepaskan daripada tanggungjawab lain. Tanggungjawab tersebut ialah memastikan pemerintah adalah bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan kronisme. Isu-isu tersebut telah menjadi slogan dan seruan gerakan reformasi bagi menghadapi golongan yang berkuasa selepas September 1998.

4.4.4 Keperluan untuk Membalas Budi (Terhutang Budi)

Keperluan untuk membalas budi dilihat dalam konteks politik di mana satu pihak menjadi pemberi, dan satu pihak lagi, penerima. Dalam konteks kajian membala budi ialah sebagai balasan yang diberi kepada budi yang ditabur oleh parti pemerintah, Kerajaan dan khususnya UMNO sepertimana yang telah diterangkan dalam bab 2 di atas.

Bagi nilai tersebut tiga kenyataan telah dikemukakan secara khusus yang menyentuh mengenai budi yang telah ditabur (oleh parti pemerintah) dan keperluan masyarakat penerima iaitu (orang Melayu) untuk membala budi. Cara membala (atau membayar hutang budi) adalah dengan menyokong dan mengundi parti pemerintah. Penentangan atau penolakan terhadapnya adalah dikira salah kerana melanggari tuntutan budi tadi sepertimana diterangkan dalam kenyataan-kenyataan yang dikemukakan.

Ketiga-tiga kenyataan itu ialah, (i)'disebabkan kerajaan sekarang telah memberi banyak kemudahan kepada orang Melayu dan membantu meningkatkan

taraf ekonomi mereka, sebagai balasan mereka perlu terus menyokong parti pemerintah yang ada sekarang', (ii)'usaha-usaha untuk menukar pemerintah sekarang tidak wajar dan mereka yang terlibat merupakan golongan yang tidak mengenang budi' dan (iii)'disebabkan pemerintahan sekarang telah membawa kemajuan ekonomi kepada orang Melayu, mereka perlu menyatakan "terima kasih" kepadanya dengan memberi undi kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya'.

Kesemua kenyataan di atas melihat kepada apa yang telah diperolehi oleh orang Melayu dari segi kemajuan kebendaan dan pencapaian taraf ekonomi. Kedua, kemajuan dan pencapaian ini dilihat sebagai hasil usaha parti pemerintah dan kerajaan yang dikuasainya. Parti pemerintah di sini merujuk kepada Barisan Nasional dan secara lebih khusus lagi ia merujuk kepada UMNO. Ia seolah-olah menggambarkan kepada responden bahawa segala kemajuan, peningkatan dalam ekonomi dan kemudahan yang dinikmati adalah natijah daripada usaha kerajaan, parti yang menguasainya (BN) dan UMNO.

Kesemua ini diandaikan sebagai budi kerajaan, BN dan UMNO terhadap orang Melayu. Persoalannya ialah apakah ia memang menjadi 'budi', oleh itu ia perlu dibalas dengan cara memberikan sokongan berterusan kepada UMNO, terutamanya apabila pilihan raya diadakan diberikan undi kepada gabungan parti yang diterajui UMNO, iaitu BN? Selain itu apakah mereka juga perlu menghindarkan diri daripada terlibat dengan mana-mana pihak atau usaha yang dibuat untuk menukar parti yang sedang memerintah (BN) kepada parti lain?

Maklumbalas yang diterima secara jelas menunjukkan bahawa responden tidak merasakan bahawa 'budi' seperti ini perlu 'dibalas'. Umumnya bagi

ketiga-tiga kenyataan di atas responden tidak dapat menerima premis bahawa kemajuan ekonomi dan penerimaan pelbagai kemudahan itu boleh disamakan dengan budi dan merupakan ihsan kerajaan, parti politik dan pemerintah, oleh itu sokongan perlu diberikan kepada pihak tersebut sebagai balasan ‘budi’ tersebut.

Jika dihalusi ketiga-tiga kenyataan ini, setiap satu mempunyai penekanannya yang tersendiri. Kenyataan ‘disebabkan kerajaan sekarang telah memberi banyak kemudahan... sebagai balasan mereka perlu terus menyokong parti pemerintah yang ada sekarang’ mengaitkan kemudahan yang disediakan dan peningkatan taraf ekonomi dengan keperluan untuk memberi sokongan secara terus-menerus kepada parti pemerintah sedia ada.

Kenyataan kedua pula menyentuh persoalan penukaran kerajaan atau pemerintah dan ini dertiakan sebagai ‘sikap tidak mengenang budi’. Ia adalah kesinambungan ide yang terdapat dalam kenyataan pertama bahawa budi yang ditabur – kemudahan yang disediakan dan peningkatan taraf ekonomi – perlu dibalas; mereka yang cuba menukar pemerintah dikira tidak mengenang budi, sedangkan mereka telah menerima pelbagai kemudahan.

Budi yang perlu dibalas secara spesifik menerusi tindakan menjadi intipati kepada kenyataan ketiga. Setelah menerima kemajuan ekonomi, tindakan yang perlu dilakukan ialah memberi undi kepada BN - ia merupakan balasan secara praktikal kepada ‘budi yang telah ditaburkan’.

Implikasi daripada respons terhadap kenyataan-kenyataan ini adalah dua. Sekiranya mereka bersetuju dengannya ia akan menggambarkan bahawa wujud

sokongan yang kukuh terhadap parti pemerintah khususnya UMNO. Ia juga bermakna anggapan bahawa segala kemudahan yang diterima dan kemajuan ekonomi yang dicapai adalah hasil pemerintahan yang diterajui oleh UMNO adalah benar. Selain itu hasil atau ganjaran yang diterima itu tidak boleh dilupakan begitu sahaja tanpa membalaunya iaitu dengan memberi sokongan sewajarnya - mengundi parti tersebut dan mengelak diri daripada terlibat dalam usaha menumbangkannya sebagai parti pemerintah.

Sebaliknya sekiranya mereka tidak bersetuju ia akan bermakna bahawa tidak ada kaitan antara kemajuan yang dinikmati dengan persoalan ‘budi’ yang perlu dibalas. Perkembangan ini perlu juga diberi perhatian kerana konsep budi mungkin telah mengalami perubahan.

Dapatan kajian bagi nilai ini pertamanya melihat gambaran secara umum iaitu maklumbalas bagi kesemua kenyataan yang disebutkan di atas. Ini diikuti maklumbalas menurut umur, jantina, sektor pekerjaan, pendidikan dan pekerjaan. Selepas itu maklumbalas bagi setiap satu daripada kenyataan-kenyataan ini juga dipaparkan. Gambaran umum menunjukkan bahawa responden tidak bersetuju bahawa kemajuan ekonomi dan penyediaan kemudahan itu sebagai sebab untuk memberi sokongan kepada UMNO dan kerajaan atau menjauhkan diri daripada sebarang usaha untuk mengganti pemerintah sedia ada.

Min bagi ketiga-tiga kenyataan ini ialah 1.5774. Ini menunjukkan tidak terdapat bukti yang jelas bahawa nilai budi terjejas kerana ia tidak dihargai oleh masyarakat akibat mereka tidak memberikan sokongan kepada parti pemerintah.

Penelitian terhadap setiap kenyataan juga menunjukkan makna budi tidak dikaitkan dengan apa yang dilakukan pemerintah terhadap masyarakat. Misalnya respons bagi kenyataan pertama - ‘disebabkan kerajaan sekarang telah memberi banyak kemudahan kepada orang Melayu dan membantu meningkatkan taraf ekonomi mereka, sebagai balasan mereka perlu terus menyokong parti pemerintah yang ada sekarang’ - jelas memperlihatkan penolakan yang agak tinggi. 74.1% daripada mereka yang berumur 21 tahun ke bawah menolaknya manakala peratusannya ialah 74.8% bagi mereka dalam kategori umur 22-30 tahun, 78.4% bagi mereka dalam kategori umur 31-40 tahun dan bagi kategori umur 51-60 tahun ia adalah 54.1 % (lihat Jadual 4.18 di bawah) Pemerhatian dari segi jantina juga mendapati bahawa kenyataan ini tidak diterima oleh majoriti responden sepermula yang terdapat pada Jadual 4.19 di bawah.

Bagi kenyataan kedua, maklumbalas menunjukkan trend yang sama dengan kenyataan pertama tadi. Rata-rata responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini tidak kira dilihat dari segi umur atau angkubah lain seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.20, 4.21 di halaman 245 dan 4.22 di halaman 246.

Jadual 4.18

Pandangan mengikut Umur terhadap kenyataan: ‘Orang Melayu perlu terus menyokong parti pemerintah sebagai membals budi’ ($N=405$)

		Umur						Jumlah
Setuju	Bil	21 ke bawah	22-30	31-40	41-50	51-60	61-70	
Setuju	Bil	7	36	19	37	17	3	51
	Peratus	25.9	25.2	21.6	42.0	45.9	42.9	12.6
Tak Setuju	Bil	20	107	80	51	20	4	354
	Peratus	74.1	74.8	78.4	58.0	54.1	57.1	87.4
Jumlah	Bil	27	143	99	88	37	7	405

Jadual 4.19

Pandangan mengikut Jantina terhadap kenyataan: 'Orang Melayu perlu terus menyokong parti pemerintah sebagai membala budi' ($N = 402$)

		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Setuju	Bilangan	60	67	127
	Peratus	29.0	34.4	31.6
Tak Setuju	Bilangan	147	128	275
	Peratus	71.0	65.6	68.4
Jumlah	Bilangan	207	195	402

Jadual 4.20

Pandangan mengikut Umur terhadap kenyataan: 'Usaha-usaha menukar pemerintah sekarang tidak wajar dan mereka yang terlibat merupakan golongan yang tidak mengenang budi' ($N = 398$)

		Umur						Jumlah
		21 ke bawah	22-30	31-40	41-50	51-60	61-70	
Setuju	Bil	6	28	15	29	15	3	96
	Peratus	23.1	19.6	15.2	34.1	39.5	42.9	24.1
Tak Setuju	Bil	20	115	84	56	23	4	302
	Peratus	76.9	80.4	74.8	65.9	60.5	57.1	75.9
Jumlah	Bil	26	143	99	85	38	7	398

Jadual 4.21

Pandangan mengikut Jantina terhadap kenyataan: 'Usaha-usaha menukar pemerintah sekarang tidak wajar dan mereka yang terlibat merupakan golongan yang tidak mengenang budi' ($N = 392$)

		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Setuju	Bilangan	44	51	95
	Peratus	21.7	27.0	24.2
Tak Setuju	Bilangan	159	138	297
	Peratus	78.3	73.0	75.8
Jumlah	Bilangan	203	189	392

Maklumbalas bagi kenyataan ketiga turut menunjukkan trend yang sama dengan dua kenyataan sebelumnya. Berdasarkan umur misalnya, seperti yang

terdapat dalam Jadual 4.23 di bawah, semua kumpulan umur didapati menolaknya walaupun peratus tertinggi ialah pada kumpulan umur 31- 40 tahun.

Jadual 4.22

Persepsi responden mengikut Tahap Pendidikan terhadap kenyataan : ‘Usaha-usaha menukar pemerintah sekarang tidak wajar dan mereka yang terlibat merupakan golongan yang tidak mengenang budi’ ($N = 402$)

Tahap	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
Darjah 6	8 (47.1)	9 (52.9)	17
Tingkatan 3	4 (23.5)	13 (76.5)	17
Tingkatan 5	27(23.5)	88(76.5)	115
Tingkatan 6	7 (25.9)	20(74.1)	27
Diploma	25(25.5)	73(74.5)	98
Ijazah Asas	19 (21.1)	71(78.9)	90
Sarjana	5 (16.7)	22(73.3)	30
Kedoktoran	-	4 (100.0)	4
Jumlah	95 (23.6)	300 (76.4)	402

Jadual 4.23

Persepsi responden mengikut Umur terhadap kenyataan : ‘Disebabkan pemerintahan sekarang telah membawa kemajuan ..., mereka perlu menyatakan “terima kasih” kepadanya dengan memberi undi kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya’ ($N = 401$)

		Umur						Jumlah
		21 ke bawah	22-30	31-40	41-50	51-60	61-70	
Setuju	Bil	7	36	19	37	17	3	119
	Peratus	25.9	25.2	19.2	42.0	45.9	42.9	29.7
Tak Setuju	Bil	20	107	80	51	20	4	282
	Peratus	74.1	74.8	80.8	58.0	54.1	57.1	70.3
Jumlah	Bil	27	143	99	88	37	7	401

Berdasarkan pekerjaan pula, seperti yang terdapat dalam Jadual 4.24 di bawah, mereka yang bekerja dalam bidang perkilangan dan kontraktor didapati paling tinggi kadar ketidak persetujuannya iaitu 75.0 % berbanding golongan perburuhan yang mempunyai kadar penolakan terendah. Namun begitu penolakan yang jelas ditunjukkan oleh semua kategori pekerjaan kecuali kategori perburuhan.

Jadual 4.24

Persepsi mengikut Pekerjaan terhadap kenyataan: ‘Disebabkan pemerintah sekarang telah membawa kemajuan..., mereka perlu menyatakan “terima kasih” kepadanya dengan memberi undi kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya’(N = 397)

Jenis Pekerjaan	Pilihan Pendapat (Bil/%)			Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti	
pengurusan/pentadbiran	23 (32.9)	42 (60.0)	5 (7.1)	70
suri rumah	13 (37.1)	21 (60.0)	1 (2.9)	35
teknikal	10 (23.3)	29 (67.4)	4 (9.3)	43
profesional	11 (32.4)	23 (67.6)	-	34
perguruan	6 (18.2)	22 (66.7)	5 (15.2)	33
kontraktor	1 (8.3)	9 (75.0)	2 (16.7)	12
perburuhan	-	2 (66.7)	1 (33.3)	3
perkeranian	11 (26.2)	29 (69.0)	2 (4.8)	42
perkilangan	7 (19.4)	27 (75.0)	2 (5.6)	36
perniagaan	9 (37.5)	13 (54.2)	2 (8.3)	24
lain-lain	14 (21.5)	41 (63.1)	10 (20.6)	65
Jumlah	105 (26.4)	258 (65.0)	34 (8.6)	397

Keadaan yang sama diperhatikan pada semua tahap pendidikan kecuali mereka yang berpendidikan ke tahap Darjah 6. Golongan yang paling ramai tidak bersetuju ialah mereka yang mempunyai ijazah asas (lihat Jadual 4.25 di bawah).

Jadual 4.25

Pandangan mengikut Tahap Pendidikan terhadap kenyataan : ‘Disebabkan pemerintahan sekarang telah membawa kemajuan ..., mereka perlu menyatakan “terima kasih” kepadanya dengan memberi undi kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya’(N = 402)

Tahap	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
Darjah 6	11 (64.7)	6 (35.3)	17
Tingkatan 3	8 (47.1)	9 (52.9)	17
Tingkatan 5	35 (29.2)	85 (70.8)	120
Tingkatan 6	9 (34.6)	17 (65.4)	26
Diploma	29 (29.9)	68 (70.1)	97
Ijazah Asas	17 (19.1)	72 (80.9)	89
Sarjana	8 (29.6)	19 (70.4)	27
Kedoktoran	1 (25.0)	3 (75.0)	4
Jumlah	51 (12.7)	351 (87.3)	402

Sebagai rumusan, budi tidak boleh dipandang pada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ataupun kemajuan ekonomi yang dicapai sebagai hasil usaha pemerintah. Sekiranya dianggap juga sebagai budi, ini tidak bermakna ia termasuk dalam pengertian budi yang perlu dibalas. Jika ini menjadi perhitungan apa-apa yang dilakukan oleh pemerintah dari segi membawa kemajuan ekonomi, menyediakan pelbagai bentuk kemudahan dan memberi keselesaan kepada rakyat itu sekadar satu kewajipannya sahaja.

Oleh itu perkara sedemikian tidak menimbulkan persoalan sama ada usaha-usaha tersebut perlu dibalas dengan memberi sokongan dan undi kepadanya. Barangkali jika perlu dibalas sekalipun ia tidak dalam bentuk memberi undi dalam pilihan raya. Perbincangan lanjut mengenai persoalan ini dibuat dalam bab 6 di bawah.

4.4.5 UMNO adalah Perlu untuk Keselamatan dan Survival Orang Melayu

Nilai ini menekankan peranan UMNO sebagai parti pelindung yang diperlukan untuk menjamin keselamatan dan survival orang Melayu. Ini kerana UMNO dilihat sebagai parti orang Melayu yang memegang tumpuk kekuasaan. Oleh itu ia mampu bertindak untuk memenuhi keperluan orang Melayu dari segi mendapatkan keselamatan hidup dan memastikan survival mereka. Sama ada nilai ini difahami sedemikian atau tidak cuba dipastikan di sini.

Persepsi terhadap kenyataan: UMNO Adalah Perlu untuk Keselamatan dan Survival Orang Melayu

Kenyataan di atas bermaksud terdapat satu keperluan untuk pewujudan sebuah pertubuhan politik, iaitu UMNO, untuk menjaga perpaduan (perpaduan nasional dan perpaduan Melayu), keselamatan dan survival orang Melayu. Andaian di sini ialah perpaduan, keselamatan dan survival orang Melayu akan terpelihara selagi orang Melayu mengekalkan UMNO untuk memerintah negara. Ini menampakkan seolah-olah UMNO sendiri menjadi satu nilai kerana melaluinya perpaduan, keselamatan dan survival orang Melayu dapat dijamin. Perpaduan, keselamatan dan survival orang Melayu menjadi nilai-nilai sampingan kepada UMNO sebagai nilai teras.

Keperluan mengekalkan UMNO mempunyai kaitan dengan nilai tradisionalisme, taatsetia, budi dan keperluan untuk keselesaan dan mencapai kemajuan. Ini kerana kesemua nilai tersebut tertumpu pada UMNO. Parti tersebut memelihara tradisionalisme, menuntut ketaatsetiaan, membawa kemajuan dan keselesaan dan menabur ‘budi’ sepertimana telah dipaparkan juga dalam Rajah 3.1. dalam Bab 3, halaman 137 di atas. Untuk itu kenyataan-kenyataan yang dikemukakan cuba melihat secara khusus sama ada UMNO itu perlu atau tidak bagi menjaga kepentingan-kepentingan orang Melayu - antaranya kepentingan perpaduan, keselamatan dan survival mereka

Ini berbeza daripada tradisionalisme di mana UMNO sekadar dilihat sebagai elemen politik tradisional dalam masyarakat Melayu yang berperanan meneruskan amalan-amalan politik tradisional itu. UMNO dilihat pula sebagai pemberi pelbagai kemudahan serta membantu orang Melayu mencapai taraf ekonomi

lebih baik menerusi kerajaan yang berteraskan parti tersebut - bagi nilai budi dibalas budi dan keperluan untuk kemajuan dan keselesaan. Manakala taatsetia yang dituju kepada UMNO dilihat sebagai satu nilai yang diwarisi sejak zaman dahulu..

Di sini UMNO dilihat sebagai satu institusi yang mesti wujud untuk orang Melayu. Kewujudan itu pula ialah untuk memastikan perpaduan dan keselamatan di samping menjamin survival orang Melayu.

Sembilan kenyataan telah dikemukakan. Kenyataan-kenyataan itu ialah (i)'orang Melayu menyokong BN kerana mempercayai hanya BN yang berteraskan UMNO paling sesuai untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat Malaysia', (ii)'negara ini akan tetap selamat asalkan ia dipimpin oleh parti politik yang didukungi oleh orang Melayu',(iii) 'jika UMNO dilanda krisis ia tidak akan memberi kesan kepada kesatuan orang Melayu mahu pun ahli UMNO sendiri',(iv) 'penglibatan dalam politik secara aktif telah membawa kepada perpecahan bukannya perpaduan di kalangan orang Melayu',(v) 'untuk mencapai perpaduan hakiki orang Melayu perlu berada dalam satu parti politik sahaja', (vi)'usaha "pertemuan Melayu" antara UMNO dan PAS akan berjaya mewujudkan perpaduan orang Melayu',(vii) 'jika UMNO hilang kuasa negara akan dilanda kekacauan dan huru-hara',(viii) 'jika UMNO hilang kuasa orang bukan Melayu pula akan menguasai politik dan kepimpinan negara' dan (ix)'UMNO tidak boleh dibubarkan kerana ia sebatی dengan identiti dan ketuanan Melayu dan tanpanya orang Melayu akan hilang identiti tersebut'

Kebanyakan kenyataan di atas berkisar kepada persoalan keperluan kepada UMNO sama ada untuk perpaduan, keselamatan atau keutuhan negara.

Daripada kenyataan-kenyataan tersebut seolah-olah menggambarkan bahawa UMNO-lah satu-satunya institusi terpenting dalam politik orang Melayu. Secara bandingan ia adalah seperti peranan ‘Raja’ dalam masyarakat Melayu silam di mana tanpa Raja tiadalah wujud masyarakat sepermulaan telah diungkapkan oleh Milner (1982:114). Malah kenyataan lain cuba menggambarkan keadaan huru-hara yang mungkin terjadi dan kuasa dilihat kemungkinan berpindah ke tangan orang bukan Melayu. Malah identiti dan ketuanan Melayu juga dikaitkan dengan parti ini. Apakah UMNO benar-benar dilihat perlu untuk ini semua?

Respons kepada kesemua kenyataan yang berkaitan akan menunjukkan sejauhmana orang Melayu menyetujui bahawa UMNO menjadi keperluan bagi perkara-perkara yang disebutkan di atas tadi. Jika UMNO kurang diberi perhatian implikasinya nanti dibawa ke dalam pilihan raya; pilihan bagi pengundi Melayu akan menjadi terbuka lebih luas lagi - bukan pada UMNO sahaja - dan ini boleh menjelaskan prospek parti tersebut untuk meraih sokongan seperti yang dikehendakinya dan turut menjelaskan peluangnya untuk terus berkuasa.

Kenyataan ‘penglibatan dalam politik secara aktif telah membawa kepada perpecahan bukannya perpaduan di kalangan orang Melayu’ walaupun menyentuh mengenai aktivisme politik, namun ia juga merujuk secara khusus kepada perpaduan dan perpecahan orang Melayu akibat penglibatan secara aktif dalam politik - bukan sekadar keperluan untuk aktif dalam politik semata-mata. Di sini penekanan dan persoalannya ialah tentang perpaduan. Menerusi kenyataan ini juga gambaran mengenai perpaduan dan perpecahan dan hubungannya dengan aktivisme politik dapat diperolehi.

Berhubung dengan persoalan yang sama, iaitu perpaduan, kenyataan berbunyi ‘usaha “pertemuan Melayu” antara UMNO dan PAS akan berjaya mewujudkan perpaduan orang Melayu’ turut menekankan kepentingan perpaduan Melayu dan bukan hanya sebagai satu pertemuan antara dua parti politik. Ia membayangkan bahawa UMNO sebagai parti kerajaan mempunyai kelebihan dan dikira lebih berupaya untuk berperanan menjayakan pertemuan tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan secara umum bahawa perpaduan, keselamatan dan survival orang Melayu tidak sepenuhnya bergantung kepada UMNO. Kekuatan dan kelemahan hubungan ini dapat dilihat pada angkubah umur, jantina, pendidikan dan pekerjaan. Walau bagaimanapun terdapat kelompok-kelompok orang Melayu yang mempunyai pandangan bahawa UMNO memang menjadi keperluan bagi orang Melayu; namun kumpulan ini adalah agak kecil peratusannya.

Sekadar membentangkan respons iaitu sama ada setuju atau tidak dengan kenyataan-kenyataan tidak menjawab persoalan lebih atas iaitu kenapa mereka memberikan maklum balas sedemikian rupa. Oleh itu maklumat tambahan daripada responden utama (*key respondents*) turut dipaparkan untuk memahami lebih jauh aspek-aspek yang tidak terjawab di sini. Malah lebih banyak penelitian boleh dibuat untuk memahami nilai ini. Namun disebabkan fokus kajian ialah pada peralihan undi atau sokongan daripada UMNO kepada parti alternatif dalam pilihanraya, aspek-aspek lain mengenai UMNO tidak disentuh di sini.

Dapatan kajian menunjukkan kadar persetujuan dan penolakan adalah berbeza mengikut kategori umur, pendidikan dan pekerjaan. Misalnya, generasi muda - berumur di bawah 40 tahun, - lelaki, dan berpendidikan tinggi serta yang mewakili

golongan profesional didapati mempunyai kecenderungan yang berbeza daripada mereka yang lebih tua, perempuan, surirumah dan berpendidikan rendah. Ini menunjukkan satu persamaan dengan dapatan bagi nilai-nilai sebelum ini. Jadual-jadual seterusnya akan memaparkan hasil yang diperolehi.

4.4.6 Tanggapan terhadap kenyataan : ‘Orang Melayu menyokong BN kerana mempercayai hanya BN yang berteraskan UMNO paling sesuai untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat Malaysia’

Kenyataan di atas merujuk kepada sokongan orang Melayu terhadap BN adalah kerana parti terasnya ialah UMNO. Keistimewaan UMNO di sini ialah apa yang ditanggap sebagai peranannya bertindak bagi mencapai perpaduan dan menjamin keselamatan mereka.

Min keseluruhannya adalah 1.3876. 39.2% responden didapati bersetuju berbanding 49.8 % yang tidak bersetuju. Namun min tersebut kurang memberikan gambaran sebenar mengenai pendirian semua responden. Untuk ini penelitian perlu dibuat terhadap angkubah-angkubah lain.

Terdapat perbezaan yang agak jelas antara dua kumpulan umur. Mereka di bawah umur 21 tahun didapati paling ramai tidak bersetuju (73.9%) berbanding kumpulan umur 51-60 tahun (44.7%) seperti yang terdapat dalam Jadual 4.26 di bawah. Kecenderungan kumpulan umur 51-60 tahun untuk menyokong atau bersetuju merupakan natijah yang konsisten bagi kumpulan umur tersebut sehingga ini yang turut mempermerkan pola yang agak sama bagi nilai-nilai lain. Sebaliknya mereka di bawah umur 40 tahun juga secara konsisten mempertahankan pendirian tidak bersetuju dengan kenyataan-kenyataan berbentuk menyokong *status quo*.

Jadual 4.26

Pandangan mengikut Umur terhadap kenyataan: ‘Orang Melayu menyokong BN... untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat Malaysia’(N= 388)

Umur	Setuju	Tak Setuju	Jumlah
21 tahun ke bawah	6 (26.1)	17 (73.9)	23
22-30	61 (43.6)	79 (56.4)	140
31-40	37 (39.8)	56 (60.2)	93
41-50	42 (49.4)	43 (50.6)	85
51-60	21 (55.3)	17 (44.7)	38
61-70	4 (44.4)	5 (55.6)	9
Jumlah	171 (44.1)	217 (55.9)	388

Bagi jantina pula didapati bahawa lebih ramai lelaki tidak bersetuju berbanding perempuan iaitu bagi lelaki 65.5% dan perempuan ialah 44.9%. (lihat Jadual 4.27 di bawah).

Jadual 4.27

Persepsi mengikut Jantina terhadap kenyataan: ‘Orang Melayu menyokong BN... untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat Malaysia’(N = 382)

Jantina	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
Lelaki	68 (34.5)	129 (65.5)	197
Perempuan	102 (55.1)	83 (44.9)	185
Jumlah	170 (44.5)	212 (55.5)	382

Mereka yang mempunyai ijazah sarjana merupakan kumpulan yang paling ramai menolak kenyataan bahawa UMNO sebagai teras BN paling sesuai untuk mencapai perpaduan orang Melayu dan negara Malaysia - 70.4%. Ini diikuti oleh mereka dalam kumpulan ijazah asas - 58.3%. (lihat Jadual 4.28 di bawah).

Turut diperhatikan ialah data bagi mereka yang mempunyai pendidikan rendah seperti di peringkat Darjah 6, yang nampaknya lebih ramai bersetuju - 58.8%. Peratusan bersetuju daripada kalangan yang mempunyai ijazah kedoktoran juga didapati lebih tinggi berbanding yang tidak bersetuju, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.28 di atas. Walaupun tahap pendidikan responden dapat menunjukkan kecenderungan pilihan tetapi untuk kenyataan ini nampaknya sukar untuk dikaitkan tahap pendidikan dengan kecenderungan bersetuju/tidak bersetuju. Ini bererti keseluruhan respons perlu dilihat bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan ternyata daripada Jadual 4.28 bahawa berdasarkan tahap pendidikan, majoriti responden (55.7%) didapati tidak bersetuju.

Jadual 4.28

Persepsi mengikut tahap Pendidikan responden terhadap kenyataan ‘Orang Melayu menyokong BN... untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat Malaysia’(N = 384)

Kelulusan	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
darjah 6	10 (58.8)	7 (41.2)	17
tingkatan 3	9 (50.0)	9 (50.0)	18
tingkatan 5	53 (44.9)	65 (55.1)	118
tingkatan 6	13 (46.4)	15 (53.6)	28
diploma	40 (44.9)	49 (55.1)	89
ijazah asas	35 (41.7)	49 (58.3)	84
sarjana	8 (29.6)	19 (70.4)	27
kedoktoran	2 (66.7)	1 (33.3)	3
Jumlah	170 (44.3)	214 (55.7)	384

Dari segi pekerjaan pula, didapati mereka dalam kategori perburuhan paling tinggi kadar penolakan terhadap kenyataan di atas -100.0%, berbanding dengan kategori-kategori lain (lihat Jadual 4.29 di bawah). Ini kerana respons diberi hanya oleh dua orang sahaja dan kedua-duanya tidak bersetuju. Apabila diperhati kepada bidang-bidang lain pula, didapati bahawa kadar tertinggi penolakan ialah pada

bidang perguruan. Yang menarik juga ialah golongan profesional juga didapati agak ramai yang menyetujuinya.

Rasional mengemukakan kenyataan ini ialah untuk melihat bagaimana orang Melayu menanggapi BN. Apakah BN memperoleh sokongan kerana UMNO menjadi terasnya dan UMNO-lah menerusi BN berusaha untuk mencapai perpaduan? Disebabkan andaian peranan UMNO itu sendiri dibayangkan dalam kenyataan tersebut, barangkali responden mempunyai persepsi bahawa walaupun mereka tidak menyokong BN, tetapi begitulah persepsi umum masyarakat Melayu - orang Melayu pada amnya melihat UMNO berperanan dalam usaha membawa perpaduan. Ekoran dari itu dapatkan kajian untuk kenyataan ini tidaklah memerlukan.

Jadual 4.29

Persepsi responden mengikut Pekerjaan terhadap kenyataan: 'Orang Melayu menyokong BN... untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat Malaysia' ($N = 352$)

Jenis Pekerjaan	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
pengurusan/pentadbiran	28 (45.2)	34 (54.8)	62
suri rumah	21 (61.8)	13 (38.2)	34
teknikal	12 (34.3)	23 (65.7)	35
profesional	18 (56.3)	14 (43.7)	32
perguruan	8 (27.6)	21 (72.4)	29
kontraktor	5 (55.6)	4 (45.4)	9
perburuhan	-	2 (100.0)	2
perkeranian	18 (47.4)	20 (52.6)	38
perkilangan	9 (29.0)	22 (71.0)	31
perniagaan	9 (42.9)	12 (57.1)	21
Jumlah	152 (43.2)	200 (56.8)	352

Salah satu implikasi daripada kenyataan ini ialah sokongan orang Melayu terhadap BN adalah kerana UMNO merupakan parti terasnya. Oleh itu UMNO diperlukan untuk mencapai perpaduan dan ini boleh terjadi menerusi BN.

4.4.7 Tanggapan responden terhadap kenyataan: ‘Negara ini akan tetap selamat asalkan ia dipimpin oleh parti politik yang didukung oleh orang Melayu’

Kenyataan ini tidak merujuk khusus kepada parti tertentu, ia hanya sebagai penegasan umum bahawa bagi orang Melayu parti Melayulah yang akan didokongi dan lebih penting lagi parti Melayu juga yang dapat menjamin keselamatan negara. Andaian ini yang hendak dipastikan.

Sekiranya diterima, ia boleh dilihat sebagai pengesahan bahawa negara akan selamat kerana dipimpin oleh sebuah parti Melayu, dan dalam konteks sekarang, UMNO. Oleh kerana respons di sini sekadar mendapat gambaran sama ada perlu atau tidak sebuah parti Melayu memimpin negara maklumat lanjut mengenai parti yang dimaksudkan atau yang menjadi pilihan diperolehi daripada responden utama.

Seorang responden utama, Puan Rosy,³⁵ telah menyatakan bahawa pada dasarnya orang Melayu akan menerima parti berteraskan Melayu untuk memerintah. Namun beliau juga melihat bahawa ia tidak semestinya UMNO. Ini bermakna dalam isu parti manakah yang dipilih, kedua-dua parti Melayu mempunyai peluang yang sama.

Perkara penting di sini ialah perlunya dilihat respons kepada kenyataan-kenyataan lain kesemuanya bagi memperkuatkan andaian bahawa salah satu daripada dua parti tersebut lebih layak untuk diterima. Lagipun tujuan kenyataan-kenyataan seperti ini adalah untuk melihat sejauhmana UMNO dilihat sebagai parti orang Melayu untuk mencapai perpaduan dan memelihara keselamatan. Secara

³⁵ Latar diri beliau telah disentuh dalam Bab I di atas. Temubual dilakukan pada Februari 2002.

umumnya responden tidak kira umur atau jantina bersetuju dengan kenyataan ini.

Carta 4.3 di halaman berikut menunjukkan keadaan tersebut

4.4.8 Persepsi responden terhadap kenyataan : ‘Jika UMNO dilanda krisis ia tidak akan memberi kesan kepada kesatuan orang Melayu mahu pun ahli UMNO sendiri’

Min bagi kenyataan di atas ialah 1.3667. Ini bermakna pergolakan di dalam UMNO tidak memberi kesan secara jelas ke atas orang Melayu dari segi perpaduan. Ini mungkin kerana ia tidak melibatkan mereka di luar UMNO. Ahli UMNO sendiri berkemungkinan tidak terjejas dengan perkembangan seperti itu.


Pergolakan dalaman UMNO mungkin dilihat sebagai tidak penting untuk diberi perhatian kerana beberapa sebab. Antaranya kerana ia agak kerap berlaku dalam skala yang pelbagai.³⁶ Sehingga ini ia masih tidak sampai ke tahap meruncing sehingga menyebabkan kesatuan orang Melayu menjadi hancur.

Beberapa kesan daripada perpecahan UMNO disaksikan ketika terjadi krisis lewat 1980-an sehingga lahir parti serpihan iaitu Parti Melayu Semangat 46. Kali kedua ialah ekoran krisis politik 1998 yang menyebabkan ahli UMNO sendiri ‘memberontak’ terhadap pemimpin mereka. Ia turut mempermudahkan kelahiran parti baru iaitu PKN. Namun pada peringkat massa pergolakan dalaman UMNO dilihat sebagai urusan parti itu semata-mata dan kurang memberikan kesan kepada orang luar.

³⁶ Butiran mengenai pergolakan ini disebut dalam Bab 3 di atas

Carta 4.3

Respons bagi kenyataan ' Negara selamat,asalkan dipimpin parti Melayu'



Pada masa yang sama kejadian-kejadian itu tidak mempunyai apa-apa kepentingan bagi mereka di luar UMNO ditambah tanggapan umum bahawa parti politik biasanya akan menghadapi pelbagai masalah dalaman. Sekiranya respons menunjukkan kenyataan ini diterima, ia bermaksud UMNO tidak begitu penting bagi kesatuan orang Melayu ataupun sekiranya UMNO berpecah ia tidak pula bererti masyarakat Melayu sendiri telah berpecah keseluruhannya. Sebaliknya jika kenyataan ini ditolak ia bermakna ketidakstabilan dalam UMNO mempunyai kesan yang kritikal - ketidakstabilan dalam UMNO diperlukan untuk ketabilitan dan kesatuan orang Melayu secara umumnya.

Dilihat pada angkubah umur, jantina, pendidikan dan pekerjaan, kajian menunjukkan terdapat trend yang pelbagai. Dalam kumpulan umur 41-50 tahun dan 51-60 tahun misalnya, perbezaan antara yang bersetuju dengan yang tidak bersetuju adalah terlalu kecil. Bagi umur 41-50 tahun ia adalah 48.1% bersetuju dan 51.9, tidak bersetuju seperti yang terdapat dalam Jadual 4.30 di bawah. Bagi mereka yang

berumur 51-60 tahun, 48.5% bersetuju berbanding 51.5 % tidak bersetuju. Apa yang jelas ialah majoriti responden menolak kenyataan ini. Implikasinya ialah pergolakan atau krisis dalaman UMNO tidak menggugat perpaduan umumnya jika disandarkan kepada pelbagai peringkat umur masyarakat.

Dari segi jantina pula peratusan yang tidak bersetuju bagi lelaki dan perempuan adalah hampir sama - 61.2% bagi lelaki dan 64.6% bagi perempuan. Berbeza daripada kebanyakan kenyataan sebelum ini, kali ini pula orang perempuan lebih ramai tidak bersetuju berbanding lelaki seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.31 di bawah.

Trend yang dikesan di kalangan responden mengikut tahap pendidikan ialah mereka yang mempunyai pendidikan tahap rendah cenderung untuk mengatakan bahawa krisis dalaman UMNO menjaskan perpaduan dan keselamatan secara umumnya. Sebaliknya bagi yang berpendidikan tinggi, mereka tidak berpendapat sedemikian. Misalnya di kalangan responden pemegang ijazah sarjana didapati paling ramai yang tidak bersetuju - 75.9%, berbanding yang lain walaupun semua peringkat bermula daripada tingkatan 5 ke atas tidak menyetujuinya (lihat Jadual 4.32 di halaman 262).

4.4.9 Tanggapan responden terhadap kenyataan: ‘Untuk mencapai perpaduan hakiki orang Melayu perlu berada dalam satu parti politik sahaja’

Respons untuk kenyataan ini agak menarik untuk diperhatikan. Implikasi daripada respons yang diberikan boleh menunjukkan kecenderungan untuk

menerima mana-mana parti politik yang difikirkan wajar sebagai sebuah wadah perpaduan.

Jadual 4.30

**Pandangan mengikut Umur terhadap kenyataan : ‘Jika UMNO dilanda krisis ia tidak akan memberi kesan kepada kesatuan orang Melayu mahu pun ahli UMNO sendiri’
(N = 369)**

Umur	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
21 tahun ke bawah	6 (24.0)	19 (76.0)	25
22-30	40 (30.5)	91 (69.5)	131
31-40	34 (37.8)	56 (62.2)	90
41-50	39 (48.1)	42 (51.9)	81
51-60	16 (48.5)	17 (51.5)	33
61-70	3 (33.3)	6 (66.7)	9
Jumlah	138 (37.4)	231 (62.6)	369

Jadual 4.31

Pandangan mengikut Jantina terhadap kenyataan : ‘Jika UMNO dilanda krisis ia tidak akan memberi kesan kepada kesatuan orang Melayu mahu pun ahli UMNO sendiri’ (N = 382)

Jantina	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
Lelaki	73 (38.8)	115 (61.2)	188
Perempuan	62 (35.4)	113 (64.6)	175
Jumlah	135 (35.3)	228 (64.7)	382

Sekiranya mereka memberikan respons yang sama kuat bagi kedua-dua parti - UMNO dan PAS - ia bermakna parti-parti politik yang sedia ada tidak mempunyai kelebihan antara satu dengan yang lain dalam soal membina perpaduan. Kedua, soal mewujudkan perpaduan tidak boleh dilihat sebagai perjuangan eksklusif UMNO mahu pun PAS atau mana-mana parti lain yang dianggap mewakili orang

Melayu. Justeru itu mungkin tiada satu pun daripada parti politik yang ada sekarang diterima sebagai wadah perpaduan.

Jadual 4.32

Persepsi mengikut tahap Pendidikan terhadap kenyataan : ‘Jika UMNO dilanda krisis ia tidak akan memberi kesan kepada kesatuan orang Melayu mahu pun ahli UMNO sendiri’(N = 366)

Kelulusan	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
darjah 6	9 (52.9)	8 (47.1)	17
tingkatan 3	8 (57.1)	6 (42.9)	14
tingkatan 5	50 (48.1)	54 (51.9)	104
tingkatan 6	8 (36.4)	14 (63.6)	22
diploma	30(33.0)	61 (67.0)	91
ijazah asas	25 (29.4)	60 (70.6)	85
sarjana	7 (24.1)	22 (75.9)	29
kedoktoran	1 (25.0)	3 (75.0)	4
Jumlah	138(37.7)	228(62.3)	366

Sekiranya respons secara keseluruhannya adalah bersetuju dengan kenyataan tersebut implikasinya ialah mana-mana satu parti yang fikirkan sesuai memadai bagi mengusahakan perpaduan dan secara jelas ia tidak menentukan apakah parti itu UMNO, PAS atau yang lain. Sekiranya respons adalah sebaliknya, ia boleh memberi dua implikasi lain pula.

Pertama, *status quo* boleh dikekalkan dan kaedah mencari perpaduan hakiki tidak semestinya menerusi kewujudan satu parti sahaja. Kedua, responden masih mahukan satu parti sebagai jalan merintis perpaduan sebenar tetapi berbelah-bagi dalam menentukan parti mana yang layak dikekalkan bagi tujuan tersebut. Barangkali di sini juga maklumat boleh diperolehi daripada responden utama.

Respons bagi kenyataan ini dilihat secara keseluruhan dan hanya melibatkan angkubah keahlian dalam parti politik. Ini kerana angkubah ini sahaja yang dapat memberikan respons yang bersesuaian dengan kehendak kenyataan berkenaan yang turut menekankan penyertaan dalam parti politik. Respons daripada ahli UMNO, PAS dan PKN, termasuk yang tidak menjadi ahli boleh menggambarkan keadaan sebenar. Maklumat tambahan mengenai permasalahan ini diperolehi daripada responden utama. Respons menunjukkan rata-rata mereka tidak bersetuju dengan kenyataan ini seperti mana dipaparkan dalam Jadual 4.33 di bawah.

Berdasarkan Jadual 4.33 di bawah ternyata majoriti responden tidak bersetuju bahawa hanya satu parti wajar diwujudkan bagi tujuan mencapai perpaduan, walaupun perbezaan antara yang bersetuju dengan yang tidak bersetuju tidaklah begitu jauh. Hanya ahli PAS sahaja yang menunjukkan perbezaan tertinggi sebanyak 13.8%. Malah bagi ahli PKN perwujudan sebuah parti sahaja adalah satu kemungkinan yang sama penting dengan usaha meneruskan sistem pelbagai parti. Respons yang diberi perhatian ialah terhadap mereka yang tidak menjadi ahli mana-mana parti.

Data menunjukkan bahawa majoriti daripada golongan yang tidak menjadi ahli parti politik tidak menyetujui cadangan ini. Yang agak menarik ialah di kalangan ahli UMNO sendiri. Lebih ramai ahli UMNO didapati tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Barangkali mereka melihat kemungkinan bahawa parti tunggal yang dimaksudkan itu tidak semestinya UMNO. Ini juga mungkin difikirkan oleh anggota parti-parti lain.

Maklumat daripada beberapa responden utama iaitu, En Zali, Dr Musab dan Dr Melati menunjukkan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa hanya

satu parti sahaja yang wujud. Mereka telah membangkitkan isu demokrasi di mana kaedah satu parti akan mendakkan demokrasi di negara ini. Selain itu mereka juga melihat masalah perpecahan bukan berpunca daripada adanya banyak parti tetapi kerana masalah pentadbiran dan pengurusan negara, termasuk penekanan terhadap perkara-perkara yang ‘salah’ yang membangkitkan ketidakadilan dalam masyarakat misalnya.

Jadual 4.33

Pandangan mengikut parti politik terhadap kenyataan : ‘Untuk mencapai perpaduan hakiki orang Melayu perlu berada dalam satu parti politik sahaja’(N=440)

Parti	Pilihan Pendapat (Bil/%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tak Pasti
UMNO	46.2	48.1	5.8
PAS	40.0	53.8	6.2
PKN	44.0	44.0	12.0
Tidak menjadi ahli	41.2	48.2	10.6
Jumlah	42.9	48.5	8.7


4.4.10 Pandangan terhadap kenyataan : ‘UMNO ... sebatи dengan identiti dan ketuanan Melayu’

Maklum balas bagi kenyataan ini pula menunjukkan bahawa terdapat peratusan yang hampir sama bagi responden yang bersetuju dengan yang tidak bersetuju iaitu 49.4% bagi yang bersetuju dan 49.6% bagi yang tidak bersetuju. (Lihat Carta 4.4 di bawah).

Apabila diperincikan pada angkubah-angkubah seperti umur dan tahap pendidikan misalnya, terdapat kecenderungan-kecenderungan yang boleh diperhatikan.

Carta 4.4

Respons bagi kenyataan 'UMNO tak boleh dibubar...'



Umumnya responden yang berumur lebih bersedia untuk bersetuju berbanding dengan golongan yang muda. Misalnya bagi mereka di bawah 21 tahun dan mereka di antara 31 ke 40 tahun, 68.0% dan 54.6% masing-masing tidak bersetuju dengan kenyataan ini (lihat Jadual 4.34 di halaman berikut). Sepertimana sebahagian besar kenyataan lain, perempuan didapati lebih ramai bersetuju - 54.7 %, berbanding lelaki. Pada dasarnya majoriti lelaki (57.5%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai ijazah asas lebih ramai tidak bersetuju - 56.7% - sebaliknya mereka yang mempunyai ijazah kedoktoran pula lebih ramai bersetuju dengannya - 80.0% (lihat Jadual 4.35 di halaman 267). Ini bermakna tahap pendidikan tidak dapat menzahirkan satu pola yang konsisten bagi menunjukkan satu kecenderungan yang jelas. Ini dapat diperhatikan daripada maklum balas sendiri - kecenderungan yang sama bagi mereka yang mempunyai ijazah kedoktoran dan yang berkelulusan Darjah 6, Tingkatan 5 dan

Tingkatan 6. Bagi yang mempunyai diploma, ijazah asas dan sarjana, mereka lebih cenderung untuk menolak kenyataan ini.

Maklumat daripada responden utama³⁷ juga menunjukkan bahawa persoalan identiti dan ketuanan Melayu tidak semudah itu boleh dikaitkan sebagai agenda UMNO, walaupun mereka menyetujui UMNO mempunyai tanggungjawab dalam perkara itu. Mereka lebih banyak mengutarakan kritikan mengenai kegagalan UMNO dalam soal-soal ‘ketuanan’ dan ‘identiti’ Melayu tersebut, lebih-lebih lagi di zaman mutakhir ini. Banyak contoh diberikan bagi menjelaskan bagaimana ‘kegagalan’ ini dikatakan telah berlaku.

Jadual 4.34

Pandangan responden mengikut Umur terhadap kenyataan : ‘UMNO ...sebat dengan identiti dan ketuanan Melayu’ (*N = 401*)

Umur	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
21 tahun ke bawah	8 (32.0)	17 (68.0)	25
22-30	65 (79.3)	17 (20.7)	82
31-40	44 (45.4)	53 (54.6)	97
41-50	53 (57.6)	39 (42.4)	92
51-60	27 (75.0)	9 (25.0)	36
61-70	4 (44.4)	5 (55.6)	9
Jumlah	201 (50.1)	200 (49.9)	401

Ini bermakna ikatan antara UMNO dan identiti serta ketuanan Melayu bukanlah suatu ikatan yang kukuh, oleh itu pembubaran parti tersebut tidak dilihat sebagai sesuatu yang bermasalah atau tidak dapat diterima. Sekiranya majoriti besar responden memberikan respons yang positif kepada kenyataan ini ditambah sokongan

³⁷ Mereka adalah En Zali dan Dr Hasib

daripada responden utama, barangkali kesimpulan yang boleh dibuat ialah ketuanan dan identiti Melayu akan terjejas dengan pembubaran UMNO. Namun maklum balas menunjukkan ini keadaannya tidak menjadi sedemikian.

Jadual 4.35

Pandangan responden mengikut tahap Pendidikan terhadap kenyataan: UMNO ...sebatи dengan identiti dan ketuanan Melayu' ($N = 397$)

Kelulusan	Pilihan Pendapat (Bil/%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
darjah 6	13 (68.4)	6 (31.6)	19
tingkatan 3	7 (43.8)	9 (56.2)	16
tingkatan 5	63 (52.9)	56 (47.1)	119
tingkatan 6	17 (63.0)	10 (37.0)	27
diploma	42 (45.7)	50 (54.3)	92
ijazah asas	39 (43.3)	51 (56.7)	90
sarjana	14 (48.3)	15 (51.7)	29
kedoktoran	4 (80.0)	1 (20.0)	5
Jumlah	199 (50.1)	198 (49.9)	397

Dapatan kajian bagi ‘UMNO sebagai teras untuk mencapai perpaduan dan memelihara keselamatan’ menunjukkan bahawa kedudukan UMNO sebagai parti yang mewakili perpaduan, identiti dan ketuanan Melayu tidak begitu kukuh dan faktor ini bukan menjadi sebab utama kenapa ia diterima.

Penerimaan UMNO barangkali disebabkan terdapat faktor-faktor lain seperti keupayaan menyediakan kemudahan menurut tuntutan ‘penaung-dinaung’ dan ini lebih relevan dalam menjelaskan persoalan sokongan terhadap UMNO. Tidak ada satu pendirian yang jelas di kalangan responden menyokong kenyataan-kenyataan yang dikemukakan bagi melihat sejauhmana UMNO benar-benar dirasai sebagai parti yang perlu untuk survival dan identiti orang Melayu. Malah terdapat responden utama yang

langsung tidak menaruh harapan pada UMNO dari segi mempertahankan isu-isu orang Melayu.

Maklumbalas bagi beberapa kenyataan mendapati perbezaan ketara antara generasi, tahap pendidikan, pekerjaan dan keahlian dalam parti politik. Ia turut membayangkan kemungkinan orang Melayu tidak berasa terancam hanya kerana UMNO dilanda krisis malah perpindahan sokongan kepada parti politik lain boleh terjadi sekiranya krisis dalam UMNO menjadi tidak terkawal. Selain itu mereka mungkin tidak melihat UMNO sebagai satu-satunya parti Melayu yang boleh mempertahankan hak mereka.

Berdasarkan maklum balas daripada responden utama, didapati wujud kritikan terhadap UMNO secara meluas. Beberapa responden utama mengkritik UMNO sebagai parti yang telah jauh terpesong daripada mempertahankan idealisme awal perjuangannya dan lebih menjadi tapak untuk membina kekayaan bagi pemimpin-pemimpinnya. Beberapa contoh diberikan bagaimana pemimpin sendiri mementingkan diri lebih daripada mementingkan rakyat khususnya orang Melayu. Terdapat satu persepsi ‘kekeciwaan yang amat sangat’ (*disillusionment*) di kalangan mereka dengan prestasi UMNO mutakhir ini³⁸.

4.5 Kesimpulan

Beberapa nilai telah diperihalkan dalam bab ini. Nilai-nilai tersebut mempunyai kaitan dengan tema utama iaitu hubungannya dengan parti pemerintah. Kesemua nilai yang dipastikan di atas mempunyai hubungan dan kepentingan dengan

³⁸ En Zali dan Puan Rosy banyak memberikan contoh kekeciwaan yang dimaksudkan. Antaranya ialah ‘pemimpin UMNO tak dapat turun ke peringkat bawah, bersama dengan masyarakat biasa, tidak seperti pemimpin PAS. Banyak sangat protokol. Terdapat masalah kepimpinan juga’ - Puan Rosy dalam temubual yang dirakamkan pada awal 2001.

UMNO - tradisionalisme, ketaatsetiaan, keselesaan dan keperluan untuk mencapai kemajuan, keperluan untuk membalas budi dan UMNO adalah perlu untuk keselamatan dan survival orang Melayu.

Nilai tradisionalisme didapati lemah dan sudah mula kurang dipegang oleh orang Melayu di kawasan kajian. Tradisionalisme yang merujuk kepada aspek-aspek budaya atau amalan dalam politik yang telah warisi sekian lama dan melibatkan juga amalan feudalisme tidak dapat diterima sebagai nilai utama. Faktor mereka (responden) sebagai penduduk kawasan urban juga mungkin mempengaruhi pilihan yang telah dibuat. Kesan daripada ini ialah mana-mana parti yang cuba mempertahankannya tidak akan mendapat sokongan meluas dalam masyarakat. Oleh kerana itu UMNO yang dilihat sebagai masih mempertahankan unsur-unsur tradisional di dalamnya seperti kaedah memilih pemimpin misalnya, menghadapi kemungkinan kemerosotan sokongan.

Bagi tradisionalisme seperti juga nilai-nilai yang lain yang telah disebut di atas, terdapat beberapa pola atau trend yang dapat diperhatikan dengan jelas. Pertama ialah trend yang diperhatikan daripada maklum balas responden berdasarkan umur, jantina, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan angkubah lain seperti pendedahan kepada internet dan sama ada responden seorang pengundi atau tidak.

Dalam kategori umur misalnya, terdapat perbezaan antara generasi - di kalangan yang berumur 40 tahun ke bawah dengan mereka yang berumur 41-60 tahun. Perbezaan turut diperhati pada jantina - antara lelaki dan perempuan. Perbezaan lain ialah pada tahap pendidikan - mereka yang mempunyai pendidikan tahap rendah, seperti Tingkatan 6, dengan mereka yang mempunyai pendidikan tinggi terutama ijazah

atas. Selain itu ialah perbezaan mengikut jenis pekerjaan di mana mereka yang bekerja dalam bidang profesional dan teknikal berbeza respons daripada bidang-bidang lain. Namun perbezaan mengikut pekerjaan tidaklah begitu ketara jika dibandingkan dengan umur, jantina dan tahap pendidikan.

Bagi semua nilai yang dilihat di atas perbezaan-perbezaan ini jelas diperhatikan. Misalnya ialah pola mengikut umur. Kecenderungan yang dikesan ialah mereka tidak bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang dikemukakan. Implikasinya ialah mereka secara umumnya tidak menyokong parti pemerintah dan kerajaan. Bagi jantina pula trend yang diperhatikan ialah kecenderungan orang lelaki tidak menyokong parti pemerintah adalah lebih tinggi berbanding perempuan, walaupun terdapat beberapa kenyataan yang jelas tidak dipersetujui oleh kedua-dua jantina yang bermakna Kerajaan juga tidak disokong. Hal yang sama terdapat bagi tahap pendidikan responden; semakin tinggi pendidikan semakin kuranglah persetujuan - dan sokongan - bagi parti yang memerintah.

Taatsetia secara mutlak adalah ditolak. Ini bermakna pendapat sarjana lain sebelum ini yang menyatakan orang Melayu begitu taksub dengan pemimpin atau parti sehingga melahirkannya menerusi taatsetia buta tidak mempunyai asas lagi³⁹. Perbicangan ini akan dilanjutkan lagi dalam bab 6 semasa menyentuh penentangan terhadap pemerintah. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh beberapa responden utama, taatsetia didapati menjadi satu pemberian yang bersyarat. Seperti nilai tradisionalisme, perbezaan-perbezaan respons mengikut kategori umur, jantina, tahap pendidikan dan pekerjaan telah diperhatikan.

³⁹ Seperti dalam "Protector" oleh Chandra Muzaffar (1979)

Orang Melayu memberi keutamaan kepada keperluan mencapai kemajuan dan keselesaan. Namun ini tidak bererti amalan-amalan rasuah, kronisme dan salah guna kuasa boleh diterima dalam mengejar kemajuan. Pemerintah yang dikatakan terlibat dengan gejala-gejala tersebut tidak disokong walaupun ia melaksanakan projek ekonomi untuk memberi keselesaan dan memajukan rakyat. Oleh itu kajian ini mendapat terdapat pengecualian terhadap sokongan tersebut atas sebab-sebab amalan rasuah, kronisme dan penyalahgunaan kuasa.

Budi menjadi nilai penting dalam budaya Melayu. Namun apa yang dibuat oleh kerajaan dan parti pemerintah dalam menyediakan kemudahan, membawa kemajuan dan melaksanakan projek bagi rakyat khususnya orang Melayu tidak dilihat sebagai budi. Disebabkan itu ia tidak perlu dibalas lebih-lebih lagi dalam bentuk pemberian sokongan kepada UMNO dan kerajaan atau mengundi BN dalam pilihan raya. Apa yang dilaksanakan itu dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan dan bukan sebagai ‘budi’ seperti yang biasa difahami kerana penjelasan daripada responden utama menunjukkan budi merupakan perbuatan yang *ikhlas* yang tidak memerlukan sebarang balasan daripada orang yang menerimanya. Justeru itu pandangan pemerintah bahawa orang Melayu perlu ‘berterima kasih’ kepadanya dengan meneruskan sokongan ditolak oleh orang Melayu di kawasan kajian. Malah di kalangan responden utama kritikan terhadap pemerintah dalam soal budi yang dianggap telah ditabur oleh pemerintah adalah agak tajam.

Salah satu nilai yang menyentuh UMNO secara langsung ialah ‘keperluan UMNO sebagai parti untuk keselamatan dan survival orang Melayu’. Ini meletakkan UMNO di kemuncak beberapa nilai yang telah dibentangkan. UMNO bukan sahaja menjadi perlu tetapi keperluannya dirasai kerana terdapat beberapa matlamat sampingan yang perlu dicapai. Antaranya untuk mencapai perpaduan,

memelihara keselamatan, memperjuangkan ketuanan Melayu dan mempertahankan identiti Melayu, iaitu memelihara survival Melayu. Kenyataan-kenyataan yang dikemukakan membayangkan seolah-olah UMNO sendiri mencerminkan hidup atau mati bangsa Melayu.

Namun respons secara keseluruhan menunjukkan UMNO tidak dipandang sedemikian rupa. Malah di kalangan responden utama mereka tidak menaruh harapan pada UMNO bagi memelihara perkara-perkara yang disebutkan itu. Implikasinya ialah UMNO tidaklah dipandang sebagai kritikal bagi mencapai perpaduan, memelihara keselamatan dan secara umumnya memperjuangkan apa yang dikehendaki orang Melayu pada masa ini.

Selain keputusan umum, turut diperhatikan adalah perbezaan-perbezaan dalam kumpulan umur, tahap pendidikan dan keahlian dalam parti politik. Pola yang diperhatikan adalah sama seperti keputusan yang diterima bagi nilai-nilai lain dalam bab ini. Yang jelas ialah di kalangan generasi muda yang mempunyai pendidikan tinggi dan berkerjaya sebagai profesional terjadi semacam satu kekeciwaan terhadap peranan UMNO itu sendiri.

Daripada paparan dalam bab ini kesimpulannya ialah orang Melayu tidak begitu cenderung untuk menyokong parti pemerintah disebabkan nilai-nilai yang mereka pegang. Nilai-nilai ini tidak mendorong mereka untuk menerima apa sahaja yang dilakukan oleh pemerintah atau parti yang menguasainya. Ketaatsetiaan, budi, keperluan untuk kemajuan dan keselesaan dan UMNO sebagai satu keperluan, merupakan nilai-nilai yang mempunyai maknanya yang tersendiri. Makna tersebut perlu dihalusi dengan melihat setiap satu nilai secara berasingan.

Kajian mendapati walaupun taatsetia itu wujud tetapi ia bukanlah taatsetia mutlak. Budi tidak boleh dikaitkan dengan ‘kebaikan’ yang dilaksanakan oleh kerajaan. Keperluan untuk kemajuan dan keselesaan tidak bererti apa pun kesalahan atau penyelewengan pemerintah boleh diterima asalkan program kemajuan berjalan lancar. Tradisionalisme semakin lemah sebagai nilai yang dipegang dan UMNO bukan menjadi parti yang menentukan survival orang Melayu.

Dalam bab berikut dapatan bagi sebahagian nilai lain akan dibentangkan dan dianalisis. Nilai-nilai tersebut berkisar sekitar agama sebagai asas utama dalam sistem nilai orang Melayu.